

Usul Dua Puluh



Usul Dua Puluh

MUQADDIMAH.

Usul Isyirin yang ditulis oleh Ustaz Hasan Al-Bana ini adalah dianggap di antara tulisannya yang penting, kerana Usul Isyirin ini mengandungi beberapa perkara yang wajib dipercayai dan diketahui oleh tiap-tiap orang Muslim dan wajib diikuti dalam tindak-tanduknya; hubungannya dengan khaliqnya dan hubungannya sesama manusia. Jadi kita kumpulkan beberapa huraian ringkas oleh As-Syahid Hasan Al-Banna yang dapat difahami seperti mana yang diterangkan oleh Al-Mursyid itu sendiri.

Dalam Usul Isyirin ini, ia menerangkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku perselisihan pendapat (pertikaian), terutama dalam hal-hal yang berkenaan aqidah. Ia mesti difahami sebagaimana yang terdapat di dalam Al-Quran dan Sunnah An-Nabawiyah. Semoga dengan penerangan ini setiap orang Muslim yang mengikut syarahan ini akan memahami Islam sebagaimana ianya patut difahami tanpa menokok tambah ataupun mengurangkan sedikit pun dari apa yang telah diturunkan oleh Allah dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.

Demikian juga dalam Usul Isyirin ini Hassan Al-Banna, Al-Mursyid Rahimahullah, menerangkan bahawa di dalam Islam ini terdapat hal-hal yang dibenarkan berbeza pendapat di samping perkara-perkara yang tidak boleh berbeza pendapat tadi. Semoga dengan ini setiap orang Muslim itu mengetahui di mana tempat-tempat yang ia boleh berbeza dan tidak merasa ganjil bila berhadapan dengan perbezaan pendapat seperti itu.

Al-Mursyidul Am dalam penyusunan kitab-kitabnya adalah benar dan menepati sebagaimana yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Walaupun demikian kita mesti ingat bahawa tidak ada orang yang maksum melainkan Rasul-rasulnya (a.s.).

Kita berpesan kepada ahli-ahli Ikhwan agar membaca dan mengulang-ngulang buku ini sehingga ia bersehati dengan mereka. Kemudian apa-apa yang telah diketahui dan difahami daripada ajaran-ajaran Islam tersebut hendaklah diamalkan. Amalan itu pula hendaklah amalan yang membentuk jiwa dan membina peribadi dalam suasana Islam; kerana beramal dalam pembentukan peribadi adalah cara yang dapat membentuk jiwa. Inilah jalan yang dilalui oleh para sahabat Rasulullah yang mulia di mana mereka beramal dengan apa yang diketahui. Semoga Allah swt. memberikan hidayahNya, meredhai dan memberikan pertolonganNya kepada semua ahli-ahli Ikhwanul Muslimin sehingga mereka teguh berkhidmat untuk agamaNya, dan semoga Allah mencucuri rahmatNya kepada Al-Mursyid dengan petunjuk dan kebaikan dan cintakan pengorbanan dan jihad.

USUL DUAPULUH

(USUL ISYRIN) DAN KETERANGANNYA

ASAS PERTAMA:

Islam adalah menyeluruh, mencakup semua bidang hidup; Islam adalah negara dan watan atau pemerintah dan ummat. Akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan. Pengetahuan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman. Kebendaan dan harta atau usaha dan kekayaan. Jihad dan dakwah atau tentera dan fikrah. Akidah yang benar dan ibadat yang sah.

1.1 Keterangan:

Islam adalah agama Allah yang kekal, bersifat umum dan menyeluruh kerana Islam diturunkan untuk semua manusia, ini jelas dibuktikan oleh firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ
(28)

"Dan kami tidak mengutuskan kamu melainkan kepada ummat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi ingat". (S 34: 28)

Menyeluruh kerana Islam menghukum seluruh urusan hidup manusia, menghukum segala sesuatu yang dilakukan oleh manusia dan perkara yang bersangkutan dengan apa yang mereka lakukan. Ini dibuktikan oleh firman Allah:

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ (38)

"Tiadalah kami alpakan sesuatu pun di dalam Al-Kitab" (S 6:38)

dan firman Allah:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ (89)

"Untuk menjelaskan segala sesuatu"(S 16:89)

Di atas dasar sifat-sifat Islam yang tetap dan tiada berubah inilah Al-Mursyid Hasan Al-Banna Rahimahullah telah berbicara dalam asas yang pertama ini untuk menjelaskan sebahagian dari perkara-perkara yang terkandung dalam Islam. Penjelasan yang dibuat oleh Al-Mursyid ini

Usul Dua Puluh

diperkuatkan lagi oleh Al-Quran, yang mana di dalam Al-Quran kita dapati ayat-ayat yang bersangkutan dengan hukum, ayat-ayat yang bersangkutan dengan sembahyang, ayat-ayat yang bersangkutan dengan mu'amalat, kehakiman dan seterusnya.

1.2 Islam adalah negara:

Islam adalah negara, sebagaimana yang diterangkan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam telah menyentuh hukum-hukum yang menitik beratkan persoalan negara. Islam bukanlah terbatas dalam lingkungan hubungan manusia dengan Allah, malah Islam juga menyusun hubungan antara sesama manusia, hubungan individu dengan jamaah, hubungan jamaah dengan jamaah yang lain. Jamaah ini pula memilih suatu sistem siasah yang didokong oleh negara, manakala negara pula mempunyai seorang ketua yang dikenal: dalam istilah fiqah sebagai imam atau khalifah. Islam telah menerangkan asas bagi sebuah negara, cara memilih khalifah, menerangkan hak individu terhadap negara, demikian juga hak negara terhadap individu. Dalam zaman moden ini kajian dan perbincangan yang lengkap dalam persoalan negara dan hubungannya dengan individu adalah dibincangkan dalam undang-undang perlembagaan dan undang-undang perlembagaan adalah merupakan salah satu dari cabang undang-undang.

Negara (daulah) menurut pandangan Islam adalah negara fikrah, fikrah Islamiah. Oleh itu daulah dalam Islam adalah daulah fikrah, bukan qaumiah, bukan jenis dan bukan iklim.

Ketua negara dipilih melalui orang-orang Islam sesuai dengan syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat ini tersimpul dalam dua sifat: kemampuan dan amanah. Tujuan dan perlantikan ketua negara ialah untuk melaksanakan syariat dan membimbing manusia untuk melakukannya.

Kedudukan dan peranan individu dalam negara Islam amatlah menonjol dan berfungsi, tidak dipendap dan diabaikan. Individu adalah bertanggungjawab terhadap perjalanan negara agar tidak menyeleweng dan bertanggungjawab terhadap ketua negara agar beliau menunaikan kewajipannya. Atas dasar ini, individu adalah berhak mengawasi, memberi nasihat, memberi petunjuk dan mengkritik. Manakala pihak negara pula adalah bertanggungjawab terhadap individu, bertanggungjawab dalam memberikan jaminan hidup yang mulia kepada individu.

Usul Dua Puluh

1.3 Islam adalah watan:

Islam adalah watan, sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam telah menerangkan pengertian watan, dan watan bagi seorang muslim ialah semua negara Islam (Darul Islam). Yang dimaksudkan dengan negara Islam pula ialah: seluruh iklim yang dialami oleh orang Islam, kekuasaan dalam iklim tersebut adalah di tangan orang Islam dan mereka melaksanakan hukum-hukum Islam dalam iklim itu. Tiap-tiap individu muslim adalah berkewajipan mempertahankan dan menghalang musuh dari merampas Darul Islam. Kewajipan ini adalah merupakan hak sebuah Darul Islam terhadap seorang Muslim.

1.4 Islam adalah ummat:

Ummat yang dimaksudkan oleh Al-Mursyid di sini ialah suatu jamaah manusia yang disatukan oleh suatu ikatan. Ikatan ini menjadikan mereka suatu jamaah yang berbeza dari jamaah-jamaah lain, bersatu dan bertaut antara sesama mereka dan ingin hidup bersama dengan penuh harmoni.

Islam membangunkan ummat ini di atas asas aqidah Islamiah. Aqidah adalah ikatan yang paling kuat dan abadi. Setelah manusia terjalin dalam ikatan aqidah Islamiah, perbezaan jenis, bahasa atau iklim tidak lagi menjadi suatu hal yang penting. Dengan aqidah Islamiah sahaja sudah cukup untuk membentuk suatu ummat. Sesuatu yang lain dari aqidah Islamiah tidak akan mampu untuk membina suatu ummat. Dalam Al-Quran Allah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ (10)

"Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara." (S 49:10).

FirmanNya lagi:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ (92)

"Sesungguhnya inilah ummat kamu, ummat yang satu, dan Aku Tuhan kamu, maka sembahlah Aku." (S 21:92)

1.5 Islam adalah akhlak.

Islam adalah akhlak. Sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam mengambil berat soal akhlak. Pengambilan berat Islam terhadap akhlak amatlah jelas, kerana Al-Quran telah menyebutkan akhlak-akhlak yang baik, iaitu akhlak yang menjadi sifat-sifat orang mukmin.

Usul Dua Puluh

Al-Quran menyebutkan sifat-sifat ini dengan cara memuji, menyukai dan menyeru agar berakhlak dengan sifat-sifat tersebut. Al-Quran telah memuji Rasulullah s.a.w. kerana akhlaknya yang tinggi, firman Allah:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (4)

“Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi-pekerti yang agung”. (S 68:4)

Dalam hadis yang mulia disebutkan:

انما بعثت لأتمم م**ره الأخلق

‘Saya (rasul) hanyalah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia’

Dan diriwayatkan dari Aisyah (r.a), sewaktu beliau menerangkan akhlak Rasulullah s.a.w. Beliau telah berkata:

خلقه القرآن

‘Akhlak Rasulullah ialah Al-Quran’.

Akhlak adalah mempunyai kedudukan yang menonjol dalam dakwah ikhwan dan ikhwan sentiasa mewajibkan diri mereka agar berakhlak dengan akhlak yang dituntut oleh Islam. Atas dasar ini amatlah salah mereka yang mengatakan bahawa, oleh kerana melihatkan ikhwan amat menitik beratkan soal-soal umum, seruan untuk berakhlak tinggi dan mulia adalah bertentangan dengan dasar ikhwan. Mereka yang menganggap demikian adalah salah kerana akhlak adalah merupakan sebahagian dari dakwah Islam. Amatlah tidak layak bagi ikhwan mengabaikan sesuatu yang dibawa oleh Islam. Selain dari itu kesempurnaan amal adalah bergantung kepada kesempurnaan maknawi (batin) dan akhlak yang tinggi dan mulia adalah tergolong dalam pengertian maknawi yang akan membuahkan amal yang saleh. Adalah sia-sia kalau kita hanya memperbaiki lahiriah manusia dan menuntut mereka supaya melakukan amal saleh sedangkan kita membiarkan batinnya menjadi mangsa kepada akhlak yang keji. Oleh yang demikian akhlak sepatutnya mendapat perhatian berat dan jiwa haruslah dididik dengan akhlak yang mulia.

Akhlak tidak harus dibataskan dalam lingkungan sifat-sifat mulia yang telah diketahui umum seperti berbicara dengan lemah-lembut, manis muka dan rendah diri. Malah medan akhlak amatlah luas sebagaimana yang telah digambarkan oleh Aisyah sewaktu menerangkan akhlak Rasulullah s.a.w. ‘Akhlaknya adalah Al-Quran. Oleh yang demikian segala sifat-sifat yang mulia yang dituntut oleh Al-Quran adalah termasuk dalam pengertian akhlak. Sifat-

Usul Dua Puluh

sifat sabar, tetap pendirian, tabah, mulia diri, benar, menunaikan janji, tinggi himmah, ikhlas dan sifat-sifat yang lain adalah termasuk dalam akhlak yang tinggi dan mulia. Sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat yang tersebut seperti keluh-kesah, hilang pertimbangan, ragu-ragu, munafik, hina-dina, dusta, penipu, riak, dan sifat-sifat keji yang lain adalah dituntut supaya ditinggalkan, dan membersihkan diri daripadanya. Apabila diri telah bersih dari akhlak yang keji ini dan apabila diri telah terhias dengan akhlak yang tinggi dan mulia, seorang Islam akan mempunyai peribadi yang kuat, padu, mengutamakan yang baik, berpengaruh dalam hidup dan tabah dalam menghadapi kebatilan.

1.6 Islam adalah kekuatan:

Islam adalah kekuatan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam menyeru kepada kekuatan. Seorang Islam tidak lemah dan beku.

Pada hakikatnya, Islam memandang berat soal kekuatan dan dengan terus terang menuntut agar mencari sebab-sebab yang membawa kepada kekuatan, firman Allah :

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ (S 8:60)

'Dan siapkanlah apa saja kekuatan yang kamu sanggupi'. (S 8:60)

Rangkaikata Al-Quran ini datang dalam suatu bentuk yang sangat menarik dan umum, mencakup seluruh jenis kekuatan, sama ada kekuatan itu boleh dicapai semasa turunnya Al-Quran atau pada masa-masa kebelakangan. Tuntutan persediaan kekuatan dalam ayat ini adalah merupakan satu tuntutan wajib. Oleh yang demikian ummat Islam adalah wajib menyediakan sebab-sebab untuk menjadi kuat sedaya mampu, sesuai dengan masa dan tempat.

Kekuatan tidaklah terbatas kepada kekuatan senjata, malah melewati batas ini hingga merangkumi semua perkara yang boleh menjadikan seorang Islam itu kuat, seperti ilmu pengetahuan, kekayaan, perusahaan dan lainnya. Apabila tiap-tiap Muslim itu kuat, ummat Islam secara keseluruhan akan menjadi kuat.

Oleh kerana untuk mencari dan mencapai kekuatan di zaman moden ini memerlukan kepada daya usaha, ilmu pengetahuan; menyediakan pelbagai bentuk, cara dan wasilah; mempelajari segala jenis perusahaan dan berbagai jenis ilmu seperti ilmu kimia dan fizik. Ini meliputi bidang mendirikan pabrik dan industri, melakukan percubaan-percubaan dan mempelajari ilmu pengetahuan yang telah dicapai oleh orang bukan Islam dalam bidang

Usul Dua Puluh

kebendaan. Oleh kerana pencapaian kekuatan adalah bergantung kepada perkara-perkara ini, maka kita mengatakan bahawa mempelajari perkara-perkara tersebut adalah menjadi fardhu kifayah kepada ummat Islam. Dengan kata lain haruslah ada di kalangan ummat Islam suatu bilangan yang cukup untuk menunaikan tanggungjawab mencari sebab-sebab yang membawakan kekuatan yang seharusnya ada pada ummat Islam. Hal ini kita katakan sesuai dengan kaedah fikah yang mengatakan:

مالا يتم الواجب الا لايتم الواجب إلا به فهو واجب

'Bila kesempurnaan sesuatu yang wajib terhenti kerana wujudnya suatu perkara yang lain, maka perkara tersebut adalah juga wajib'.

Selain dari itu kekuatan jiwa, anggota dan kekuatan akal adalah termasuk dalam pengertian kekuatan yang harus ada pada ummat Islam. Oleh yang demikian tiap tiap Muslim wajiblah mencari dan melakukan perkara-perkara yang dapat memberikan kekuatan kepada beliau. Kekuatan jiwa dapat dicapai dengan iman; kekuatan anggota dapat dicapai dengan senaman, menunggang dan lainnya, kekuatan akal pula dicapai dengan ilmu. Lantaran inilah Mursyid telah mewasiatkan beberapa perkara yang dapat memberi kekuatan jiwa, badan dan akal saudara. Saudara haruslah menyedari bahawa kebenaran memerlukan kekuatan yang dapat mempertahankannya. Ini adalah sunnah Allah dalam hidup. Lantaran itu Islam tidak mengabaikan soal kekuatan malah menuntutnya demi untuk menjaga dan mempertahankan kebenaran yang dibawanya. Jika kita mengatakan bahawa menyediakan kekuatan itu suatu perkara pasti dan wajib pada masa silam, maka kepastian dan kewajipan itu lebih penting dan menonjol di zaman moden ini.

Kerana ummat Islam hari ini tidak ubah seperti sekeping serpihan roti yang dikerumuni oleh semut. Bangsa-bangsa dan ummat yang mengerumuni ummat Islam ini tidak akan dapat diusir dan disingkirkan kecuali dengan kekuatan dan kita jamaah Ikhwan Muslimun sebagai duat (pendakwah) kepada jalan Allah, sebagai barisan depan bagi ummat yang beriman, barisan yang ingin menyedarkan ummat Islam, amat memerlukan kekuatan yang membolehkan kita mencapai matlamat ini. Kekuatan kita ini haruslah terjelma dalam bentuk kekuatan persediaan, iman, ilmu dan kekuatan tanzim (organisasi). Selagi kekuatan ini tidak dapat mengatasi kekuatan jamaah-jamaah yang bathil kita tidak akan dapat mencapai matlamat kita. Oleh yang demikian kita haruslah mempertanggungjawabkan diri kita masing-masing untuk mewujudkan kekuatan ini dan Allah akan menolong kita jika kita berusaha mencarikan sebab-sebab yang membawakan kepada kekuatan ini.

1.7 Islam adalah rahmat.

Rahmat yang dimaksudkan oleh Mursyid di sini ialah perasaan lemah-lembut dalam hati yang mendorong manusia untuk menolong orang-orang lemah dan berhajat, atau memaafkan orang yang tersilap, tidak melakukan tindak-balas terhadap perbuatan jahat orang lain dan merasakan simpati di atas bencana yang menimpa orang lain. Sifat-sifat ini akan merupakan akhlak yang tinggi jika digunakan pada tempat yang sewajarnya. Sifat rahmat dan belas kasihan hanyalah wujud dan berfungsi sewaktu ianya dapat menolong pelaksanaan hukum-hukum Allah. Dalam menghukumkan mereka yang melakukan jenayah zina Allah berfirman:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِئَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ (24)

'Sebatlah lelaki dan perempuan yang melakukan zina seratus rotan. Janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu dari (menjalankan) agama Allah.' (S. 24:2)

Demikianlah juga pada hukum-hukum yang lain. Perasaan rahmat dan belas kasihan tidak seharusnya diberikan kepada musuh Allah, musuh yang menjadi batu penghalang di jalan Allah sekalipun mereka itu terdiri dari keluarga yang hampir. Lantaran inilah kita lihat para sahabat yang mulia telah memerangi ayah, bapa saudara, anak saudara dan keluarga mereka yang akrab dalam peperangan Badar, Uhud, Khandak kerana mereka musuh Allah yang menjadi batu penghalang di jalan Allah.

Perbuatan seseorang yang menyakitkan kita adalah digalakkan supaya dimaafkan. Kemaafan yang diberikan oleh seseorang sedangkan beliau berupaya melakukan tindakbalas adalah dianggap sebahagian daripada rahmat. Rahmat dan belas kasihan haruslah diberikan kepada mereka yang lemah, miskin, mereka yang terpisah dari keluarga, orang-orang sakit, orang tua dan orang-orang yang berhajat kepada bantuan dan pertolongan. Perasaan rahmat dan belas kasihan haruslah wujud di kalangan Ikhwan Muslimin sewaktu mereka membentuk masyarakat Islam dan berusaha mencorakkannya dengan corak Islam. Perasaan ini haruslah wujud di kalangan mereka baik secara diam-diam atau terang-terangan, tetapi kita lebih mengutamakan secara diam diam.

1.8 Islam adalah keadilan

Keadilan yang dimaksudkan oleh Mursyid di sini ialah memberikan hak kepada mereka yang berhak dengan tidak berlaku sebarang kekurangan, kerana

Usul Dua Puluh

keadilan wajib diberikan kepada semua insan, baik Muslim atau kafir, musuh atau kawan, keluarga atau bukan keluarga. Allah berfirman:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ۤأَلَّا تَعْدِلُوۡا اِعْدِلُوۡا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰی

“Dan jangan kebencian terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa.” (S 5:8)

Keadilan akan berlaku melalui hukuman dan kehakiman, juga berlaku dengan pujian, sanjungan, celaan, kritik dan kecaman. Keadilan boleh berlaku dalam keadaan redha atau marah. Bukanlah adil jika saudara berlaku kejam sewaktu saudara menghukum antara dua orang, saudara juga tidak berlaku adil sewaktu saudara berlebihan memuji orang yang tidak berhak menerima separuh daripada pujian yang saudara berikan. Bukanlah adil jika saudara berlebihan mengecam seorang yang tidak berhak menerima satu persepuluh dari kecaman saudara. Bukanlah adil jika saudara memuji semasa suka dan mengeji semasa benci. Bukanlah adil jika saudara berlaku kejam terhadap mereka yang bukan keluarga saudara atau musuh yang menyakiti saudara, sedang saudara menutup pandangan dari perbuatan keluarga, kawan dan orang yang berlaku baik kepada saudara.

1.9 Islam adalah pengetahuan.

Islam adalah pengetahuan sebagaimana yang dikatakan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa menuntut ilmu pengetahuan yang memberi manfaat kepada kita dengan Qadar yang mencukupi adalah sebahagian dari ajaran Islam. Islam tidak melarang seseorang muslim meluaskan ilmu pengetahuannya tentang kejadian alam, perusahaan dan pelbagai ilmu kebendaan yang lain yang termasuk dalam pengertian pengetahuan. Pengetahuan yang dapat menjadi bekalan manusia dalam usaha memajukan bumi dan menggunakan kekayaannya dengan baik; pengetahuan yang dapat menolong manusia dalam membongkar rahsia alam yang tersembunyi. Tetapi sewaktu manusia meluaskan ilmunya dalam perkara-perkara tadi beliau haruslah mengingati Allah yang memberikan akal dan fikiran yang waras kepadanya, Allah menjadikan alam ini dalam keadaan mudah digunakan manusia. Pengetahuan yang diperolehinya haruslah bertujuan mencari kebajikan dan keredhaan Allah.

1.10 Islam adalah undang-undang

Islam adalah undang-undang sebagaimana yang diterangkan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam telah membawa hukum-hukum (undang-undang) untuk mengatur hubungan individu antara sesama mereka. Islam telah menaskan hukum-hukum dan balasan terhadap mereka yang

Usul Dua Puluh

melanggar undang-undang tersebut, sama ada hukum dan balasan itu bersifat civil yang dilaksanakan ke atas harta atau perbuatan jenayah yang dilaksanakan ke atas anggota penjenayah terhadap kebebasan atau hartanya.

Undang-undang Islam merangkumi pelbagai sudut hubungan antara sesama manusia. Oleh yang demikian tidaklah harus bagi seseorang Islam meninggalkan undang-undang Islam dan menggantikannya dengan undang-undang lain. Sesungguhnya ummat Islam hari ini telah meninggalkan undang-undang Islam dan melaksanakan undang-undang asing. Undang-undang hanya dilaksanakan dalam bidang yang sempit, hanya terbatas dalam undang-undang kekeluargaan, malah bidang yang sempit ini pun telah mula dinodai oleh tangan-tangan yang berdosa dengan melakukan perubahan dan pindaan.

1.11 Islam adalah ilmu

Ilmu yang dimaksudkan oleh Mursyid ialah makrifat dan mengenali hakikat sesuatu dengan tepat sebagaimana kenyataan, mengetahui sesuatu yang diturunkan Allah, mengetahui tujuan manusia diwujudkan dan kehidupan akhirat yang mengakhiri kehidupan manusia.

Ilmu yang paling tinggi dan mulia kedudukannya ialah mengenal Allah dan mengenal Islam yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. Dengan mengenal Allah dan Islam seseorang Islam akan mengenal tuhaninya, rasulnya, agamanya dan ajaran yang terkandung dalam agama tersebut. Peringkat ini disusuli pula oleh ilmu yang bersangkutan dengan urusan hidup yang pelbagai bentuk. Islam memandang tinggi kedudukan ilmu dan ulamak, memberikan kedudukan yang tinggi kepada ulamak, dan tidak menyamakan kedudukan mereka dengan orang lain. Dalam Al-Quran disebutkan:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ

"Allah mempersaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Dia, yang menegakkan keadilan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu". (S 3:18)

Firman Allah lagi:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

"Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu". (S 39:9)

Orang yang berilmu haruslah menggunakan ilmunya hanya semata-mata mencari keredhaan Allah. Secara sedar dan insaf beliau haruslah membersihkan

Usul Dua Puluh

diri dan yakin bahawa apa yang diketahuinya amatlah sedikit berbanding dengan apa yang tidak diketahuinya. Allah berfirman:

وَمَا أُوتِيتُمْ مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

“Dan tidaklah kamu diberi ilmu kecuali sedikit”. (S 17:85)

dan beliau haruslah menambah lagi ilmu pengetahuannya. Firman Allah:

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

“Katakanlah, Ya Tuhanku tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan. ”(S 20:114)

1.12 Islam adalah kehakiman

Islam adalah kehakiman, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Al-Mursyid, adalah bermaksud bahawa salah satu dari manhaj (method) Islam ialah menghukum antara sesama manusia, kerana manusia amat memerlukan seorang hakim yang dapat menghukum dan menyelesaikan perselisihan mereka serta dapat mengembalikan hak kepada yang ampunya hak.

Sebagai kesimpulan dalam masalah kehakiman ini dapatlah kita katakan bahawa Islam telah menganggap masalah kehakiman sebagai fardhu, lantaran inilah kita lihat bahawa Rasulullah s.a.w telah melantik kadhi-kadhi (hakim) untuk bertugas di tempat-tempat yang jauh dari Madinah. Kadhi atau hakim Muslim ini disyaratkan mempunyai pengetahuan yang luas tentang hukum-hukum Islam. Atas dasar ini kita lihat bahawa salah satu dari syarat kelayakan seseorang hakim ialah kemampuannya untuk melakukan ijtihad di samping beliau mestilah beragama Islam, kerana tugas menghukum adalah termasuk dalam pengertian wilayah dan sultan. Orang kafir tidak layak dan tidak berhak menjadi wali kepada orang Islam. Dalam hubungan ini Allah berfirman:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

“Dan Allah tidak sekali-kali memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memerintah orang-orang yang beriman”. (S 4:141)

Hakim yang Muslim mestilah menghukum menurut hukum-hukum Islam dan haram dengan hukum-hukum yang lain. Sewaktu beliau menghukum menurut undang-undang Islam, beliau haruslah hati-hati dan teliti, berusaha sedaya daya untuk melaksanakan keadilan. Seandainya beliau betul dan tepat

Usul Dua Puluh

dalam menghukum beliau akan dikurniakan dengan dua ganjaran, tetapi seandainya beliau tersilap atau tersalah beliau akan diberikan satu ganjaran.

1.13 Islam adalah kebendaan atau usaha dan kekayaan

Dengan ini Al-Mursjd bermaksud bahawa Islam tidak mencuaikan soal-soal kebendaan. Islam mengambil berat soal-soal rohani dan juga soal-soal kebendaan, tetapi seorang Muslim haruslah mengawasi hatinya agar ikhlas kepada Allah, beliau tidak seharusnya diperhambakan oleh kebendaan sekalipun kebendaan itu merupakan kekayaan yang tinggi menggunung. Muslim berhak melakukan kerja-kerja yang mendatangkan penghasilan dengan syarat kerja-kerja yang dilakukan itu halal, tidak diharamkan syariat. Beliaulah yang berhak menerima hasil usaha dari penat lelahnya, kerana milik perseorangan adalah dihormati dalam Islam. Milik perseorangan tidak harus dicerobohi atau dirampas.

Di samping itu Muslim haruslah mengeluarkan apa yang telah diwajibkan Allah ke atas miliknya seperti zakat, dan nafkah yang telah disyariatkan. Atas dasar ini Muslim tidaklah ditegah mencari kekayaan, malah pada dasarnya kekayaan adalah menjadi tujuan setiap usaha yang dilakukan manusia. Bila seorang Muslim yang mempunyai kekayaan bertaqwa dan menunaikan kewajipan yang telah difardhukan Allah beliau adalah tergolong ke dalam golongan wali-wali Allah; yang benar-benar bertaqwa kepada Allah. Ilmu fiqah telah membincangkan masalah: Manakah yang lebih baik antara si fakir yang sabar atau si kaya yang bersyukur. Sebahagian ahli fikah berpendapat golongan pertamalah yang lebih baik. Segolongan yang lain berpendapat golongan kedualah yang lebih baik. Tetapi hakikat yang sebenarnya, yang terbaik dari kedua-dua golongan ini ialah mereka yang lebih bertaqwa kepada Allah.

Saudara Muslim tidak selayaknya bersikap zahid dengan mengelak diri daripada melakukan kerja-kerja yang mendatangkan pendapatan dengan alasan zahidkan dunia dan untuk menumpukan sepenuh masa dalam ibadat khusus kerana hakikat zahid yang sebenarnya adalah bertakhta dalam hati, bukan pada anggota zahir. Ibadat tidak bertentangan dengan bekerja dan berusaha, malah bekerja dan melakukan perusahaan yang halal adalah sebahagian dari ibadat. Dalam hadis ada dinyatakan:

اليد العليا خير من اليد السفلى

'Tangan yang di atas (memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (menerima).'

Manusia tidak akan dapat memberikan sesuatu kecuali beliau mempunyai kekayaan, dan kekayaan hanyalah dapat dicapai melalui

Usul Dua Puluh

perusahaan. Selain dari itu adalah menjadi kewajiban kepada negara membantu Muslim dalam mendapatkan pekerjaan dengan menyediakan kemudahan dan memberikan bantuan kepada beliau.

1.14 Islam bererti jihad.

Islam adalah jihad, sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam telah mewajibkan jihad. Hakikat jihad adalah mengorbankan seluruh tenaga pada jalan Allah, sekalipun sesuatu yang dikorbankan itu merupakan darah yang ditumpahkan dalam medan perang. Jihad tidaklah terbatas pada pengorbanan jiwa sahaja, malah termasuk juga pengorbanan harta benda, jihad pena dan lidah.

Muslim menunaikan jihad secara peribadi, juga menunaikannya sebagai anggota dalam jamaah; umpamanya beliau menjadi anggota dalam jamaah Ikhwan Muslimin. Sewaktu beliau menunaikan jihad sebagai anggota dalam jamaah beliau haruslah menyelaraskan jihadnya dengan langkah-langkah jamaah, sehingga dengan penyelarasan ini matlamat jihad secara jamaah yang dilakukan oleh Ikhwan akan tercapai.

Ummat Islam hari ini telah mengeneipkan dan menjauhkan diri dari jihad, sedangkan jihad pada hari ini adalah menjadi fardhu 'ain atas tiap-tiap ummat Islam, kerana sebahagian besar dari negara-negara Islam telah dirampas dan diceroboh oleh golongan kafir. Umumnya Islam hari ini dalam keadaan kelemahan dan kehinaan yang menuntut supaya ummat Islam berjihad pada jalan Allah demi membebaskan ummat Muslimin daripada kelemahan dan kehinaan, juga membetulkan kegelinciran mereka dari landasan Islam. Tegaknya sebuah negara yang benar-benar Islam adalah merupakan suatu wasilah yang penting untuk melaksanakan tuntutan Islam. Menegakkan sebuah negara yang seperti ini adalah menjadi matlamat Ikhwan. Oleh kerana matlamat ini dan matlamat Islamiah yang lainnya, maka Ikhwan Muslimkin hari ini mengorbankan seluruh tenaga mereka.

1.15 Islam adalah dakwah

Islam juga mewajibkan Muslim melakukan dakwah, menyeru kepada Islam melalui wasilah yang dihalalkan syariat seperti penulisan, ceramah, perbincangan, melakukan pengembaraan atau rombongan dan lainnya. Wasilah yang paling penting dan berkesan dalam dakwah ialah dengan cara seorang Muslim mencorakkan dirinya dengan corak Islamiah yang membolehkan beliau menyeru manusia lain kepada Islam, kerana mereka yang diseru dapat melihat pada dirinya suatu contoh yang hidup dengan nilai-nilai Islam.

Usul Dua Puluh

Dunia Islam telah lama kehilangan contoh-contoh manusia Islamiah ini, lantaran itulah maka salah satu dari asas-asas dakwah Islamiah ialah menitik-beratkan soal-soal tarbiyah dan membentuk individu Muslim semoga dengan ini Ikhwan dapat menyediakan contoh-contoh Islamiah yang hidup. Kemudian menyebarkan contoh-contoh tersebut ke dalam masyarakat dengan cara menarik pandangan masyarakat kepada contoh-contoh itu agar mereka dapat melihat bagaimana Islam mencorakkan manusia dan menjadikannya sebagai cahaya yang bersinar di tengah-tengah masyarakat manusia. Berdakwah menyeru kepada Islam adalah menjadi kewajiban tiap-tiap Muslim.

Firman Allah:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ
وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

“Katakanlah: ‘Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutkan menyeru (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata. Maha suci Allah, dan aku tidak termasuk ke dalam golongan orang musyrik’. “ (S 12: 108)

Selain dari itu, sebahagian dari kewajiban dalam Islam ialah menegakkan jamaah yang berdakwah kepada jalan Allah, jamaah yang dapat menyatukan pendakwah-pendakwah, agar dengan penyatuan ini kesan dari pengaruh mereka akan lebih besar dan berfungsi dalam kehidupan manusia. Firman Allah:

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang maaruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang yang beruntung”. (S 3:104)

Atas dasar inilah jamaah Ikhwan Muslimin tegak demi menyahut perintah Allah dan menyeru kepada jalanNya.

1.16 Islam adalah ketenteraan

Islam adalah ketenteraan, sebagaimana yang telah dimaksudkan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa ketenteraan adalah sebahagian dari tanda-tanda lahir bagi persediaan bagi menghadapi jihad. Tentera adalah satu-satunya wasilah yang paling kuat.

Usul Dua Puluh

Adalah menjadi kenyataan bahawa menyediakan kekuatan tentera adalah memerlukan kepada perajurit, bekalan dan senjata. Oleh yang demikian tiap-tiap individu ummat Islam haruslah mendapat didikan ketenteraan baik dari sudut disiplin, ketaatan, membiasakan mereka menanggung kesukaran, hidup yang tidak mengenal rehat dan berperaturan di samping menyediakan pelbagai bentuk persenjataan.

1.17 Islam adalah fikrah

Islam adalah fikrah, sebagaimana yang diterangkan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa persediaan untuk kekuatan tentera haruslah tegak di atas fikrah yang tertentu, iaitu fikrah Islamiah. Dengan lain perkataan, kekuatan tentera Islam haruslah tegak di atas dasar untuk melaksanakan perintah Islam sesuai dengan manhajnya, juga untuk mempertahankan Islam dan menyeru manusia kepadanya.

Kebenaran juga memerlukan kekuatan yang dapat melindungi dan mempertahankannya dari pencerobohan, kekuatan yang dapat menghapuskan ranjau-ranjau di pertengahan jalan. Sejak dari zaman Rasulullah (s.a.w) lagi tentera Islam telah melindungi dakwah Islamiah dan menghapuskan rintangan-rintangan di jalannya. Dengan perlindungan ini manusia telah dapat melihat Islam, mengenal keindahannya dan mengetahui hakikatnya. Lantaran itu mereka telah memeluk Islam secara beramai-ramai. Pedang tidak dapat memasukkan Islam ke dalam hati, tetapi pedang memainkan peranan dalam menghapuskan halangan yang merintang Islam untuk masuk ke dalam hati manusia. Dengan terhapusnya rintangan itu hati manusia terus terbuka luas untuk menerima Islam, lantas cahaya Islam dapat menerangi hati-hati tersebut. Kalaulah Islam tersebar dengan pedang nescaya kita akan melihat ketangkasan Islam di negara-negara Islam yang telah kehilangan kekuatan, tetapi hal ini tidak berlaku.

Fikrah Islamiah perlukan suatu bentuk pendekatan yang baru dan penerangan yang cukup, agar umat Islam dicorakkan dengan fikrah Islamiah. Inilah yang diusahakan oleh Ikhwan sekadar kemampuan dan kekuatan mereka. Dunia hari ini telah menjadi medan pertarungan fikrah-fikrah yang beraneka ragam. Fikrah-fikrah ini dilatar belakangi oleh negara yang menganutinya. Negara-negara ini menggunakan seluruh tenaga dan kekuatannya untuk menyebar dan mempertahankan fikrah tersebut, tetapi tidak ada sebuah negara pun hari ini yang menganuti fikrah Islamiah dan tegak di atas prinsip-prinsip Islam serta menyumbangkan seluruh tenaga dan kekuatannya untuk mempertahankan dan menyebarkan Islam.

Usul Dua Puluh

Bertolak dari asas ini, maka tanggungjawab Ikhwan amatlah besar. Di atas pundak merekalah terletaknya tugas mempertahankan dan menyebarkan Islam hari ini hinggalah kerajaan Islam yang sebenarnya dapat tegak di mana-mana negara Islam; kerajaan yang dapat memikul tugas mempertahankan dan menyebarkan dakwah Islamiah; yang dapat mengarah umat Islam dan kekayaan negara untuk mengembalikan kehidupan Islamiah yang silam; yang menegakkan sebuah masyarakat Islam yang sebenarnya di permukaan bumi serta menghapuskan halangan-halangan yang merintang dakwah Islamiah.

1.18 Islam adalah akidah yang benar dan ibadat yang sah

Akidah yang dimaksudkan oleh Mursyid ialah suatu pegangan yang diterima dan dipersetujui oleh hati. Akidah atau pegangan seperti ini boleh jadi benar atau salah. Andainya akidah itu benar, maka itulah akidah yang hakiki, tetapi sebaliknya akidah itu salah, maka itulah akidah yang batil, rosak dan dusta. Tidak ada dalam dunia ini akidah yang sebenarnya selain dari akidah Islam. Akidah-akidah lain yang menyalahi dan bertentangan dengan akidah Islam adalah merupakan akidah-akidah yang batil dan sesat. Akidah Islam tegak di atas iman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab yang diturunkan dari langit, rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah, hari akhirat dan mengimani bahawa Qadha dan Qadar adalah dari Allah.

Iman kepada Allah tegak di atas dua asas; pertamanya mengimani rububiyah Allah swt, dengan lain perkataan mengimani bahawa Allah swt. yang menjadikan sesuatu, yang menghidup dan mematikan; yang memiliki dan berkuasa; dan juga sifat-sifat Allah yang lain. Keduanya mengimani uluhiah Allah swt dengan kata lain mengimani bahawa Allah sahajalah yang berhak menerima pengabdian dan inilah pengertian 'La Ilaha Illa Allah', pengabdian tidak seharusnya diberikan kepada selain dari Allah.

Beriman dengan malaikat bermaksud i'tikad (kepercayaan) yang putus tentang wujudnya makhluk yang digelar malaikat. Bilangan malaikat itu hanya diketahui oleh Allah sahaja. Jibrail, Mikail, Israfil, Izrail adalah sebahagian daripada malaikat tersebut.

Beriman dengan kitab-kitab yang diturunkan dari langit bermaksud mengimani bahawa Allah telah menurunkan kitab-kitab kepada rasul-rasulNya, mengimani bahawa kitab-kitab tersebut adalah kalam Allah, seperti kitab Taurat dan Injil; juga mengimani bahawa kitab dan kalam Allah yang terakhir diturunkan ialah Al-Quran. Rasulullah s.a.w. hanyalah bertugas untuk menyampaikan Al-Quran kepada manusia. Oleh itu lafaz dan makna Al-Quran adalah dari Allah. Al-Quran adalah terpelihara dari sebarang tokok tambah dan

Usul Dua Puluh

kekurangan. Mereka yang beri'tikad bahawa tambahan atau kekurangan berlaku dalam Al-Quran adalah terkeluar dari landasan Islam.

Yang dimaksudkan dengan beriman kepada rasul-rasul ialah kita beriman kepada semua rasul-rasul yang diutuskan Allah, bilangan para rasul itu sangat banyak dan Al-Quran telah menyebutkan sebahagian dari mereka manakala sebahagian yang lain pula tidak disebutkan. Termasuk dalam pengertian beriman kepada rasul-rasul juga ialah mengimani bahawa Muhammad s.a.w. adalah rasul akhir zaman, tidak ada nabi sesudah baginda. Mengimani dan mengikuti ajaran Muhammad s.a.w. adalah wajib. Manusia tidak bebas mengikuti ajaran lain atau beri'tikad bahawa Muhammad s.a.w. bukan rasul yang diutuskan Allah. Mereka yang beri'tikad demikian telah terkeluar dari Islam dan kufur.

Beriman dengan hari akhirat adalah bermaksud membenarkan bahawa disebalik penghidupan dunia ini masih ada penghidupan akhirat di mana Allah akan menghidupkan manusia sekali lagi dan melakukan perbicaraan terhadap perbuatan dan amalan mereka di dunia. Hasil dari perbicaraan ini menjadikan segolongan manusia dimasukkan ke dalam syurga, manakala sebahagian yang lain dimasukkan ke dalam neraka. Perhimpunan di padang mahsyar, perbicaraan dan balasan ini dilakukan ke atas roh dan jasad manusia. Kita beri'tikad bahawa syafaat Rasulullah s.a.w. di hari akhirat adalah benar dan hak dan syafaat ini berlaku dengan izin Allah terhadap mereka yang dikehendaki Allah. Kita juga beri'tikad bahawa azab dan nikmat kubur adalah benar dan hak.

Beriman dengan qadha dan qadar (untung baik dan jahat) adalah bermaksud mengimani bahawa apa yang berlaku di dunia ini adalah dengan perbuatan, ilmu dan kehendak Allah dan manusia adalah bertanggungjawab terhadap perbuatan dan amalannya. Beliau tidak berhak menjadikan qadha dan qadar sebagai alasan, kerana Allah memiliki hujah yang putus terhadap hambanya.

1.19 Islam adalah ibadat yang sah

Islam adalah ibadat yang sah; sebagaimana yang dikatakan oleh Mursyid adalah bermaksud bahawa Islam mengandungi berbagai bentuk ibadat. Sebahagiannya ialah ibadat hati seperti kasih, takut, percaya dan tawakkal kepada Allah. Sebahagian yang lain pula ialah ibadat anggota zahir seperti zikirullah, menunaikan kewajipan yang telah difardhukan Allah seperti sembahyang, puasa dan haji.

Semua ibadat-ibadat ini tegak di atas dua asas: pertamanya, ibadat-ibadat ini haruslah menurut apa yang telah disyariatkan Allah; keduanya, ibadat-ibadat

Usul Dua Puluh

ini haruslah ikhlas kepada Allah semata-mata. Di atas dua dasar ini, melakukan bidaah dalam agama adalah haram dan mereka yang beribadat kepada Allah menurut cara yang bidaah tidak mendapat ganjaran keuntungan malah menanggung kerugian. Demikian juga keadaannya mereka yang melakukan ibadat yang pada zahirnya menurut apa yang telah disyariatkan, tetapi ibadat tersebut tidak dilakukan dengan ikhlas kerana Allah, malah dengan tujuan yang lain. Mereka yang melakukan ibadat seperti ini juga akan mendapat kerugian. Kita berdoa kepada Allah supaya memberi taufik kepada kita untuk melakukan ibadat yang sah dan menjadikan ibadat tersebut ikhlas kepada Allah semata-mata.

Selain dari itu saudara haruslah mengetahui bahawa semua bentuk amal, sekalipun yang harus jika dilakukan dengan ikhlas kepada Allah dan untuk mendapatkan keredhaan Allah, maka amal-amal tersebut akan menjadi amal yang saleh yang diganjar pahala.

Usul Dua Puluh

ASAS KEDUA:

Bagi seorang Muslim, Al-Quran dan hadis adalah menjadi sumber untuk mengetahui hukum-hukum Islam. Al-Quran difahami menurut kaedah-kaedah bahasa Arab, dengan tidak memberat dan meringankan. Hadis pula difahami melalui periwayat-periwayat hadis yang dipercayai.

2.1 Keterangan

Tidak berlaku perselisihan pendapat di kalangan Muslimin bahawa Al-Quran adalah merupakan sumber pertama bagi hukum dan hujah bagi ummat Islam. Mereka juga sependapat mengatakan bahawa sunnah nabawiah adalah merupakan penyempurna dan pentafsir kepada sesuatu yang umum dalam Al-Quran. Sunnah nabawiah juga wajib diikuti sebagaimana Al-Quran. Al-Quran dan sunnah adalah wahyu dari Allah, tetapi lafaz dan makna Al-Quran diwahyukan Allah kepada Rasulullah (s.a.w) sedangkan lafaz sunnah daripada Rasulullah (s.a.w) manakala maknanya adalah dari Allah s.w.t. Inilah yang membezakan antara Al-Quran dan sunnah.

Oleh kerana Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab, mereka yang ingin mengetahui hukum-hukum melalui nas Al-Quran haruslah mengetahui kaedah-kaedah bahasa Arab dan gaya bahasanya dalam menerangkan sesuatu. Selain dari itu mereka harus juga mengetahui beberapa perkara lain seperti mengetahui ayat-ayat yang memansuhkan dan ayat-ayat yang dimansuhkan, mengetahui sebab-sebab turun ayat dan hikmat tasyrik; dan juga mengetahui perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan apa yang dinamakan ulum Al-Quran. Mereka juga harus mengetahui hukum-hukum yang disebutkan dalam sunnah nabawiah agar mereka dapat memahami maksud dan tujuan nas Al-Quran. Oleh kerana kemampuan seseorang tidak sama dalam menguasai semua ilmu yang diperlukan untuk memahami Al-Quran, maka seseorang Muslim hanyalah dapat memahami Al-Quran sekadar ilmu yang ada padanya. Beliau haruslah bertanya kepada orang yang mengetahui tentang perkara-perkara yang tidak dapat difahaminya dan Al-Quran.

Sunnah nabawiah pula dapat difahami dengan mengetahui sanad dan matan hadith. Yang dimaksudkan mengetahui sanad ialah mengenal periwayat hadith, dengan tujuan mengetahui sejauh mana siqah (dipercayai) riwayatnya agar dapat diketahui sahih atau tidaknya hadith yang diriwayatkan. Untuk mengenal hadith yang sahih hari ini cukuplah dengan mengetahui hadith-hadith yang dianggap sahih oleh ulamak-ulamak hadith yang berkemampuan dalam ilmu hadith. Ulamak-ulamak Islam telah mengumpulkan hadith-hadith yang sahih dalam kitab-kitab yang tertentu, demikian juga hadith-hadith yang dusta dan daif telah diterangkan oleh sebahagian ulamak yang lain. Bila seorang

Usul Dua Puluh

Muslim telah mengetahui hadith-hadith yang sahih atau dhaif melalui penelitiannya dalam kitab-kitab hadith, sebagaimana yang telah diputuskan oleh ulamak-ulamak, beliau akan dapat mengetahui hadith-hadith yang dipercayai dan boleh diamalkan dan dibuat hujah. Kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith yang sahih ialah: Kitab Sahih Bukhari dan Muslim, Sunan Abi Daud dan Tarmizi, Sunan Nasa'i dan Ibni Majah. Kitab sahih Al-Bukhari adalah kitab yang paling tinggi kedudukannya di antara kitab-kitab tersebut. Ahli-ahli ilmu telah bersepakat mengatakan bahawa sahih Al-Bukhari menduduki tempat yang pertama dari sudut sahihnya setelah Al-Quran. Tempat kedua dari sudut ini ialah kitab-kitab sahih Muslim, manakala tempat yang seterusnya ialah kitab-kitab yang empat yang telah disebutkan. Atas dasar ini semua hadith-hadith yang tersebut dalam kitab-kitab sahih Bukhari dan Muslim adalah hadith-hadith yang sahih dan periwayat kedua-dua kitab ini adalah mauthuq (dipercayai). Memadailah bagi seorang Muslim mengamalkan hadith-hadith yang terkandung dalam kedua-dua buah kitab tersebut dan beliau bolehlah berpuas hati.

Yang dimaksudkan dengan mengetahui matan hadith pula ialah mengetahui makna hadith dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya. Sekiranya seorang Muslim itu tidak tergolong dalam lingkungan ulamak-ulamak hadith, maka soal untuk memahami makna hadith dan mengetahui hukum-hukum yang terkandung di dalamnya mestilah dirujuk kepada ahli-ahli dan ulamak hadith. Kitab yang menitikberatkan fiqhul hadith ialah kitab-kitab: Nailul-Autar oleh Syaukani, Subulus-Salam oleh Sanaani dan Umdatul-Ahkam oleh Ibni Daqiqil-aid.

Usul Dua Puluh

ASAS KETIGA:

Iman yang benar, ibadat yang sah dan mujahadah adalah cahaya dan kemanisan yang dicurahkan Allah ke dalam hati sesiapa yang dikehendakinya, manakala ilham, lintasan-lintasan hati, kassyaf dan mimpi bukanlah menjadi dalil kepada hukum-hukum syariat. Perkara-perkara tersebut hanya dapat diterima dengan syarat perkara-perkara tersebut tidak bertentangan dengan hukum dan nas syariat.

Keterangan:

Iman yang benar ialah iman yang merangkumi pengertian dan ciri-ciri keimanan, seperti bersih dari syirik, khafi, ria dan lemah. Iman yang benar meresap ke dalam hati dan bertahta di jiwa anggota zahir untuk melakukan taat kepada Allah dan menjadikan perkara-perkara ghaib seolah-olah hadir di depan mata. Ia akan memenuhkan jiwa dengan perasaan tenang, tabah dan tetap pendirian, hingga memudahkan mereka yang mempunyai iman seperti ini berkorban apa sahaja demi jalan Allah, menambahkan pergantungan, kepercayaan, tawakkal, takut dan penyerahan mereka kepada Allah.

Bila pengertian iman yang seperti ini memenuhi hati seorang Muslim jiwanya akan ringan melakukan segala bentuk ibadat dan ikhlas kerana Allah semata-mata. Ibadat dan iman yang seperti ini mempunyai pengaruh dan kesan yang besar dalam penghidupan dunia dan akhirat. Kehidupan akan dipenuhi dengan kebahagiaan, kegembiraan dan ketenangan yang meresap ke seluruh pelusuk jiwa. Kegemilangan yang sungguh indah dan cahaya yang terang akan memenuhi batin seorang Muslim. Apabila cahaya batin ini bertambah, sinarnya akan melimpah pada wajah seseorang Muslim; sinar yang dapat dilihat pada orang-orang yang beriman sekalipun kulit seorang Muslim itu hitam atau sawo-matang. Manakala di akhirat pula kemanisan iman ini akan dapat dirasakan lebih manis dari madu.

Sebahagian dari tanda-tanda lahir bagi kemanisan iman ialah kecintaan seorang Mukmin untuk melakukan ibadat, merasa selesa dan tenang melakukannya, merasa rindu dan lapang dada terhadapnya. Saudara jangan merasa pelik dan menganggap bahawa perkara ini hanyalah khayalan semata kerana iman mempunyai kemanisan yang dapat dirasakan oleh roh sebagaimana lidah dapat merasakan kemanisan makanan. Hadith yang mulia telah menyebutkan:

ثلاث من كن فيه وجدبهن حلاوة الايمان من كان الله ورسوله احب اليه
مما سواهما وان يحب المرء لا يحبه الا الله وان يكره ان يعود في الكفر
بعد ان انقذها الله منه كما يكره ان يقذف النار اخرجته مسلم

“Jika terdapat tiga perkara ini pada seseorang beliau akan merasakan kemanisan iman. Beliau mengasihi Allah dan rasulnya lebih dari sesuatu. Beliau benci kembali kepada kekufuran, setelah Allah melepaskan beliau dirinya, sebagaimana beliau benci dicampakkan ke dalam neraka. Beliau mengasihi seseorang bukan kerana sesuatu, tetapi hanyalah kerana Allah”. Iman adalah kemanisan dan kemanisan ini akan bertambah apabila iman bertambah kuat dan termetri.

Sebahagian dari kesan iman yang benar dan ibadat yang sah ialah Allah akan mencampakkan ilham dan lintasan-lintasan ke dalam hati Mukmin, ilham dan lintasan hati yang menyuluh jalan Mukmin; menolongnya dalam mencari kebenaran dan menyelesaikan kemusykilan. Kassyaf juga adalah sebahagian kesan dari iman yang benar. Kassyaf yang dimaksudkan di sini ialah: Allah membukakan tabir yang melindungi sebahagian dari perkara-perkara yang tersembunyi dan perkara-perkara yang tidak tersembunyi dan perkara-perkara ghaib. Termasuk juga dalam pengertian kassyaf ialah mengetahui bisikan hati, niat dan kelemahan setengah manusia. Kassyaf yang seperti ini dikenal dengan firasat Mukmin, sebagaimana yang tersebut dalam hadith:

اتقوا فراسة المؤمن من فإنه ينظر بنور الله

“Takutilah firasat Muslim, sesungguhnya beliau melihat dengan nur Allah”.

Dalam Athar (kisah atau kejadian yang berlaku di zaman para sahabat) para sahabat diceritakan bahawa Saidina Othman bin Affan (r) telah berkata kepada sebahagian orang ramai yang datang menemuinya: “Salah seorang di antara kamu masuk, sedang kesan zina jelas kelihatan di antara dua matanya”.

Lantas di kalangan yang hadir bertariya: “Adakah wahyu turun selepas Rasulullah wahai amirul-mu’minin?”. Soalan ini dijawab Othman dengan katanya: “Tidak, malah ianya firasat Mukmin”. Kesan zina yang dilihat oleh Othman di sini hanyalah kesan dari mereka melihat perkara yang haram, kerana dalam hadith ada disebutkan bahawa mata itu berzina dan zina mata ialah melihat perkara yang haram.

Ilham, lintasan hati dan firasat adalah termasuk dalam perkara-perkara yang thabit dan berlaku. Kadangkala perkara ini disebut keramat. Keramat adalah suatu kebenaran yang harus diterima dan wajib diimani, tetapi tidak

Usul Dua Puluh

harus dijadikan sebagai dalil terhadap hukum-hukum, kerana dalil-dalil hukum hanyalah terbatas pada Al-Quran dan sunnah dan ceraiannya. Walaupun demikian ilham dan seumpamanya bolehlah di anggap sebagai petunjuk jalan untuk mengenali seseorang, keadaan-keadaan tertentu dan perkara-perkara yang harus dilakukan atau ditinggalkan bersangkutan dengan urusan hidup.

Sebahagian dari mimpi-mimpi adalah benar dan sebahagian yang lain hanyalah merupakan mimpi-mimpi karut. Mimpi seorang yang benar-benar Mukmin pada ghaibnya adalah benar dan jelas, atau memerlukan ta'bir

ASAS KEEMPAT

Jampi, mentera, mengaku mengetahui perkara ghaib dan seumpamanya adalah kemungkaran yang wajib diperangi, kecuali jampi-jampi dari ayat Al-Quran atau jampi-jampi yang diterima dari Rasulullah (s.a.w)

Penjelasan:

Muslim adalah dituntut melakukan sebab-sebab yang telah dijanjikan Allah untuk mencapai sesuatu natijah, umpamanya: Makan adalah menjadi sebab hilangnya lapar dan untuk menyambung hidup, minum adalah menjadi sebab kepada hilangnya kehausan dan bekerja menjadi sebab untuk menghasilkan pendapatan dan kekayaan dan begitulah seterusnya.

Di samping sebab-sebab yang bersifat kebendaan ini terdapat juga sebab-sebab maknawi yang boleh menghasilkan natijah, seperti doa. Boleh jadi penyakit seseorang itu sembuh kerana doanya begitu juga orang yang sesat mendapat petunjuk kerana doanya, demikianlah seterusnya, kerana semua perkara adalah di tangan Allah. Beliaulah yang menjadikan doa dan permintaan manusia kepadaNya sebagai sebab untuk mendapatkan sesuatu yang dihajatkan setelah orang yang berdoa memenuhi syarat-syarat yang menyebabkan doanya tidak disia-siakan. Termasuk dalam sebab-sebab maknawi ini jampi dan doa yang dilakukan oleh Muslim sewaktu beliau ditimpa kesempitan atau sakit, atau beiau dijampi dan didoakan oleh orang lain sebagaimana yang tersebut dalam hadith-hadith seperti:

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ، وَاللَّهُ يَشْفِيكَ مِنْ كُلِّ دَاءٍ يُؤْذِيكَ مِنْ شَرِّ النِّفَاثَاتِ فِي
الْعَدِّ، وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدُ

“Dengan nama Allah saya menjampimu, dan Allah menyembuhkanmu dari segala penyakit yang menyakitimu, dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada bulu-bulu dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki”.

Jampi-jampi dan doa seperti ini harus di segi syariat kerana telah berlaku dalam sunnah yang suci, tetapi jampi-jampi yang lain termasuklah tukang-tukang nujum, dakwaan mengetahui perkara-perkara yang ghaib, menulis kalimah-kalimah yang tidak difahami, menjadikan batu-batu atau tulang-tulang sebagai tangkal adalah termasuk dalam perkara mungkar yang wajib ditolak dan tidak harus diterima.

Mungkin orang bertanya: “Kenapakah di sini kita mengingkari dakwaan mengetahui perkara-perkara ghaib sedangkan pada asas ketiga, asas yang mengatakan bahawa sebahagian dari kesan iman yang benar ialah kassyaf dan

Usul Dua Puluh

termasuk dalam kasyaf ini ialah mengetahui sebahagian dari perkara-perkara ghaib?" Untuk menjawab soalan ini kita katakan: bahawa kasyaf ini berlaku kepada orang-orang yang beriman tanpa dimintanya dan beliau tidak berhak memintanya. Beliau juga tidak berkuasa mengetahui perkara-perkara ghaib itu menurut masa dan keadaan yang dikehendakinya dan beliau tidaklah memiliki suatu kuasa pancaindera yang tertentu untuk kasyaf, cuma kasyaf itu dilakukan Allah padanya lantas perkara-perkara batin dan yang tersembunyi itu terbuka kepadanya. Kasyaf yang sedemikian ini berbeza dengan dakwaan mengetahui perkara ghaib, kerana mereka yang mendakwa mengetahui perkara ghaib mendakwakan bahawa mereka berkuasa melihat perkara-perkara ghaib itu bila-bila masa sahaja menurut kehendaknya, sebagaimana beliau berkuasa melihat benda-benda yang wujud di depan mata bila-bila masa beliau kehendaki. Dakwaan seperti ini ditegah dalam syariat.

Usul Dua Puluh

ASAS KELIMA:

Pendapat imam (ketua) dan timbalannya dalam masalah yang tidak dinaskan atau telah dinaskan tetapi nas tersebut boleh ditafsirkan dengan pengertian lain, demikian juga pendapatnya dalam masalah yang berhubung dengan masalah umum, boleh diterima dan diamalkan sekiranya pendapat tersebut tidak bertentangan dengan kaedah syariat. Pendapat tersebut boleh jadi berubah menurut keadaan, persekitaran dan adat.

Taabud (pengabdian) adalah menjadi asas kepada ibadat dengan tidak melihat kepada rahsia, hikmat dan tujuan ibadat tersebut.

Pejelasan:

Imam ialah ketua yang dipilih oleh jamaah Muslimin, dengan pemilihan ini beliau menjadi ketua negara Islam atau menjadi timbalan ketua negara yang menggantikan ketua sewaktu beliau tidak ada dalam negeri, atau menjadi ketua dalam satu-satu wilayah, atau menjadi ketua dalam jawatan-jawatan tertentu, seperti ketua tentera.

Pendapat imam dalam perkara-perkara ijthadiyah, iaitu perkara-perkara yang tidak disebutkan dalam nas Al-Quran atau hadith, atau ada nas yang menyentuh perkara tersebut tetapi boleh ditafsirkan dengan beberapa pengertian dan demikian juga pendapat imam dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan masalehulmursalah (masalah umum) adalah diterima dan berkuatkuasa, kecuali pendapat-pendapat beliau itu bertentangan dengan kaedah-kaedah syariat atau bertentangan dengan asas-asas yang telah dipersetujui oleh ulama Islam, atau bertentangan dengan nas Al-Quran atau hadith yang jelas, kerana kaedah dalam Islam telah mengatakan: "Ijtihad tidak boleh dilakukan dalam masalah yang bertentangan dengan nas".

Hak ketua negara sebagaimana yang kita sebutkan ini adalah juga menjadi hak kepada ketua jamaah Muslimah yang dipilih oleh jamaah tersebut untuk mengetuainya. Hak ini bukanlah khusus untuk ketua negara, malah ketua jamaah Muslimah berhak melakukan ijthad dalam perkara-perkara ijthadiyah dan perkara yang termasuk dalam kaedah masalehulimursalah, juga dalam perkara yang telah dinaskan dalam Al-Quran dan hadith tetapi nas tersebut boleh ditafsirkan dengan tafsiran yang berlainan.

Anggota jamaah haruslah mematuhi dan mentaati keputusan yang dibuat oleh ketua mereka melalui ijthadnya, kerana ijthadnya adalah sah di segi syariat. Tetapi andainya ijthad ketua keluar dari landasan yang telah

Usul Dua Puluh

diharuskan dan bertentangan dengan nas syariat, anggota jamaah tidaklah wajib mematuhi dan mentaati ketua mereka dalam ijtihadnya, kerana tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Khalik.

Taabud (pengabdian) adalah menjadi asas kepada semua bentuk ibadat. Dengan lain perkataan kaedah umum dalam ibadat ialah hanya kerana taat kepada Allah, semata-mata kerana pengabdian diri kepada Allah, bukan kerana rahsia, hikmat atau tujuan yang terkandung dalam ibadat tersebut sekalipun kita mengimani bahawa semua ibadat mengandungi hikmat dan rahsia.

Dalam perkara-perkara yang bukan ibadat pula (perkara-perkara adiat) seperti makan, minum, pakaian dan muamalat haruslah dilihat dari sudut rahsia yang terkandung di dalamnya. Ia haruslah dilihat dari sudut maksud dan hikmat syariat Islam yang umum; hikmat yang terdapat dalam semua sudut syariat Islam. Berdasarkan hikmat syariat dan maksudnya yang umum dalam meletakkan hukum, kita akan dapat meletakkan hukum ke atas perkara-perkara adiat lain yang tidak disebutkan hukumnya dalam nas Al-Quran dan hadith.

Usul Dua Puluh

ASAS KEENAM:

Perkataan seseorang boleh diterima atau ditolak, kecuali perkataan Rasulullah (s.a.w) yang bersifat maksum. Perkataan para salihin yang dahulu (salaf soleh) mesti kita terima jika bersetujuan dengan Al-Quran dan hadith. Jika tidak, maka Al-Quran dan Hadithlah ikutan kita yang utama, tetapi kita tidak melemparkan kecaman dan mencacatkan seseorang dalam masalah khilafiah. Kita serahkan mereka dengan fiat mereka masing-masing kerana mereka telah melakukan sesuatu dengan apa yang mereka telah kemukakan.

Penjelasan

Rasulullah (s.a.w) sahajalah yang maksum (bersih) dari kesalahan. Segala perintah dan tegahannya wajib diikut, kerana Allah berfirman:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (3) إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (4)

“Dan beliau tidak berkata menurut hawa nafsunya sendiri. Perkataannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya) “. (S 53:3-4)

Perkataan, perintah dan tegahan yang dibuat oleh selain Rasulullah (s.a.w) boleh diterima sekiranya bertepatan dengan syariat dan ditolak sekiranya salah dan bercanggah dengan syariat. Kerana beliau tidak maksum dan tidak mendapat bimbingan wahyu. Kita tidak pernah mendengar perselisihan pendapat di kalangan ahli ilmu dalam masalah ini.

Para salihin yang terdahulu, seperti para sahabat dan tabiin yang mengiringi mereka telah melakukan ijtihad dalam banyak masalah. Kita menerima ijtihad mereka yang bertepatan dengan Quran dan hadith. Kita akan mengikut Quran dan sunnah sekiranya ijtihad mereka itu tidak bertepatan dengan Quran dan sunnah. Dalam kedua-dua hal ini mereka pasti mendapat ganjaran pahala. Mereka akan mendapat dua ganjaran sekiranya ijtihad mereka betul dan tepat dan mendapat satu ganjaran sekiranya ijtihad mereka tersalah. Kita merelai dan meredhai mereka semua dan kita janganlah sekali-kali melemparkan tuduhan dan kecaman kepada mereka sekiranya mereka berselisih dalam masalah.

Kita tidak sekali-kali membenarkan membuat tuduhan terhadap para sahabat atau salah seorang dari khulafa 'ur-rasyidin, kerana mereka adalah penghulu segala aulia' dan pendokong agama. Allah telah memberikan penghormatan kepada mereka dengan menjadikan mereka sahabat Rasulullah

Usul Dua Puluh

(s.a.w) dan memikul tugas agamanya. Rasulullah (s.a.w) telah bersabda sehubungan dengan mereka dengan katanya:

لاتسبوا أصحابي فوالذي نفسي بيده لو أنفق أحدكم مثل أحد ذهباً ما بلغ مدأحدهم ولا نصيفه

“Jangan kamu mencaci sahabatku. Demi Allah yang diriku dalam genggamannya, andainya seseorang dan kamu membelanjakan emas sebesar bukit Uhud, beliau tidak akan menyamai salah seorang dan mereka atau separuhnya.”

Kita beriktikad bahawa perselisihan yang berlaku di antara mereka hingga membawa kepada peperangan, adalah hasil dari ijtihad mereka masing-masing.

Usul Dua Puluh

ASAS KETUJUH:

Seorang Islam yang ilmunya belum mencapai darjat nazar (boleh mengeluarkan hukum dan dalil) dalam hukum-hukum furuk (cabang), sayugialah beliau mengikut mana-mana imam. Di simpang ikutannya itu adalah lebih baik jika beliau berusaha mencari dan mengetahui dalil-dalil imamnya. Ia hendaklah menerima tujuk ajar yang disertakan dengan dalil sekiranya beliau yakin orang yang memberikan petunjuk itu benar dan mempunyai keahlian. Sekiranya beliau tergolong dalam golongan ahli ilmu sayugialah beliau meyempurnakan ilmunya hingga mencapai peringkat nazar.

Penjelasan

Menurut dasarnya seorang Islam dapat mengetahui hukum-hukum syariat melalui dalil-dalil. Tetapi pada hakikatnya perkara ini bukanlah mudah, kerana bukan semua orang Islam mempunyai kemampuan untuk mencapai peringkat nazar dan ijihad. Oleh yang demikian mereka yang tidak mencapai peringkat ijihad haruslah bertanya kepada ahli-ahli ilmu tentang hukum-hukum yang ingin diketahuinya, demikian juga amal-amal yang wajib dilakukannya. Dalam hubungan ini Allah berfirman:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الدُّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"Tanyalah ahli ilmu jika sekiranya kamu tidak mengetahui." (S 16:43)

Bertanyakan ahli ilmu yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah seorang Muslim bertanyakan masalah-masalah yang ingin diketahuinya kepada seorang alim yang Muslim, warak dan mempunyai pendirian yang tetap, agar beliau dapat mengetahui hukum syarak dalam masalah tersebut.

Termasuk juga dalam lingkungan bertanyakan ahli ilmu ini, mengikut salah satu dari iman-iman mazhab, seperti Abu Hanifah, Syafi'e, Ahmad bin Hambal dan Malik bin Anas. Maksud mengikut imam di sini ialah dengan kita menerima dan mengamalkan ijihad mereka dan perkataan mereka dalam masalah fikah. Beliau tidak seharusnya beriktikad bahawa imam yang diikutinya itu bersifat maksum. Dalam mengikut mana-mana imam, beliau haruslah berniat dalam hati bahawa beliau mengikut mazhab imam tersebut kerana mereka dapat membawa dan membimbingnya untuk mengetahui hukum-hukum syariat dalam masalah-masalah fikah. Bila kebenaran berada pada imam yang lain dalam suatu masalah beliau haruslah mengikut imam tersebut dalam masalah itu. Selagi beliau belum pasti bahawa kebenaran kepada imam yang lain beliau pastilah mengikut mazhab dan ijihad imam yang diikutinya.

Usul Dua Puluh

Atas dasar ini mengikut mazhab-mazhab adalah dibenarkan dalam syariat dan bukanlah suatu perkara yang wajib, dengan pengertian bahawa seorang Islam boleh mengikut mazhab yang tertentu atas dasar bahawa mazhab tersebut dapat memandunya kepada hukum syarak. Demikian juga seorang Islam adalah dibenarkan tidak mengikut mana-mana mazhab yang tertentu, malah beliau bertanyakan hukum syarak dalam masalah yang ingin diketahuinya kepada orang a'im yang beliau percaya ilmu dan waraknya. Andainya seseorang yang bertaklid (mengikut) mazhab tertentu mempunyai kemampuan beliau, haruslah berusaha untuk mengetahui dalil-dalil yang dipegang oleh mazhabnya. Demikian juga jika kemampuannya mengizinkan, beliau haruslah berusaha untuk menyempurnakan iimunya hingga mencapai peringkat ijtihad. Tetapi andainya kemampuan beliau tidak mengizinkan tidaklah menjadi kesalahan baginya untuk kekal sebagai pengikut kepada mana-mana imam yang telah diakui kemampuan ilmunya sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Dalam semua keadaan seseorang Muslim itu haruslah mengetahui dengan yakin bahawa yang diwajibkan kepada beliau ialah mengikut Al-Quran dan sunnah. Apabila ahli ilmu mengatakan suatu hukum syarak, yang sebenarnya adalah sebagaimana yang tersebut dalam hadith saheh, beliau haruslah berpegang kepada hadith saheh yang telah diterangkan oleh imam tersebut kerana imam-imam mazhabpun telah mengatakan: "Jika hadith itu saheh maka itulah mazhabku". Syariat Islamiah adalah menjadi hujah terhadap semua mazhab, sebaliknya mazhab-mazhab tidak menjadi hujah terhadap syariat Islamiah.

ASAS KELAPAN:

Perselisihan pendapat dalam masalah cabang hukum fikah tidaklah menjadi sebab perpecahan dalam agama. Ia sepatutnya tidak menjadi sebab perbalahan dan permusuhan, kerana setiap orang yang berijtihad diganjar pahala. Tidakkah dilarang melakukan penyelidikan (melalui perbincangan) dalam masalah khilafiah jika bertujuan mencapai hakikat, dengan syarat perbincangan itu hendaklah di atas dasar mahabbah dan kasih sayang kerana Allah, serta bekerjasama untuk mencari kebenaran dan hakikat dengan tidak membawa kepada pertengkaran yang tercela dan taasub.

Penjelasan

Perselisihan pendapat dalam masalah cabang fekah bukanlah merupakan perkara yang asing yang patut dipersoalkan, kerana perselisihan pendapat ini adalah merupakan tanda-tanda lahir kepada kemampuan akliyah ulamak fekah dan menunjukkan sejauh mana mereka dapat menguasai nas-nas hadith. Perselisihan pendapat dalam masalah fekah telah berlaku dalam zaman sahabat. Hal ini membuktikan bahawa perselisihan ini adalah merupakan perkara biasa. Atas dasar ini kita tidak seharusnya merasa sempit dada berdepan dengan masalah perselisihan ulamak Islam di bidang fekah, malah kita menganggapnya sebagai tanda-tanda yang menunjukkan luasnya medan syariat Islamiah. Namun demikian, kita tidaklah menggalakkan berlakunya perselisihan ini, tetapi kita tidak merasa takjub dan pelik sekiranya perselisihan itu berlaku. Kita tidak menjadikan pendapat fekah ini sebagai hujah terhadap syariat Islamiah dalam pengertiannya yang mendalam. Dengan lain perkataan, kita tidak menjadikan pendapat fekah sebagai hujah terhadap Quran dan hadith, malah kita menjadikan syariat sebagai hujah terhadap pendapat-pendapat fekah. Mana-mana pendapat fekah yang dibuktikan kebenarannya dengan hujah dan alasan syariat maka itulah pendapat yang betul dan tepat, sebaliknya mana-mana pendapat fekah yang dibuktikan kesalahannya dengan hujah dan alasan syariat maka itulah pendapat yang salah, sekalipun orang yang memberikan pendapat itu menerima ganjaran ijtihad yang dilakukannya.

Atas dasar ini tidaklah menjadi kesalahan kalau diadakan perbincangan dan kajian-kajian ilmiah yang bersih dari perasaan taasub demi untuk mengetahui pendapat yang sebenarnya dalam satu-satu masalah yang menjadi perselisihan ulamak-ulamak fekah, tetapi kita memberi amaran keras agar perselisihan pendapat dalam masalah fekah jangan sekali-sekali menjadi punca perpecahan kepada kesatuan agama dan persaudaraan iman. Perselisihan ini juga tidak seharusnya menjadi punca pergaduhan dan benci membenci di kalangan ummat.

Usul Dua Puluh

ASAS KESEMBILAN:

Membincangkan masalah yang tidak berjejak kepada kenyataan (tidak membuahkan amal) adalah tergolong dalam perkara yang memberat-beratkan sesuatu. Memberat-berat sesuatu masalah adalah dilarang oleh syariat. Sebagai contoh: membincang cabangcabang hukum yang masih belum berlaku dengan membuat andaian-andaian, membincang penafsiran ayat-ayat Al-Quran yang belum dicapai oleh ilmu manusia, membincangkan keistimewaan-keistimewaan para sahabat Rasulullah (s.a.w) atau membincangkan pendapat para sahabat. Kerana para sahabat mempunyai keistimewaan sebagai seorang sahabat. Mereka diganjarai menurut fiat mereka, tambahan pula masalah taawil adalah merupakan jalan keluar.

Penjelasan

Dalam asas yang kesembilan ini Mursyid telah membayangkan kepada kita agar tidak membincangkan dan mengkaji dengan teliti perkara-perkara yang tidak diwajibkan kepada kita untuk menghalusinya, kerana membincangkan perkara-perkara ini tidak menghasilkan amal, seperti membincang dan mempersoalkan siapakah nama mereka yang pernah diceritakan Allah dan Rasulullah (s.a.w) dengan tidak menyebutkan nama mereka seperti nama sahabat Nabi Sulaiman yang memindahkan istana Balqis, nama pokok yang buahnya dimakan oleh Adam alaihis-salam, membincangkan masalah Qadha dan Qadar dan cuba menyelami hakikat Qadha dan Qadar dari segenap sudut dan berbahas dan mempersoalkan perselisihan yang berlaku di antara para sahabat. Kita haruslah memberi sanjungan kepada semua para sahabat Rasulullah (s.a.w), beriktikad bahawa merekalah intisari ummat ini. Segolongan mereka mempunyai kedudukan dan keistimewaan yang lebih tinggi dari yang lain sebagaimana yang telah disebutkan dalam Al-Quran bahawa kedudukan dan keistimewaan mereka yang mengorbankan harta dan berjihad sebelum pembukaan Mekah lebih tinggi dari mereka yang melakukan dan yang berbuat demikian selepasnya. Kita menganggap bahawa perselisihan mereka adalah hasil dari ijtihad masing-masing dan mereka diberikan ganjaran kerana ijtihad mereka sekalipun ganjaran itu berlebih kurang antara satu sama lain.

Kita juga memberi sanjungan kepada para khulafakur-rasyidin dan kita percaya bahawa mereka mendapat kedudukan yang paling tinggi dan istimewa di kalangan para sahabat, mereka juga tergolong dalam sepuluh orang yang telah diberi jaminan syurga.

Adalah haram bagi seorang Muslim menaruh perasaan benci dalam lipatan hatinya terhadap salah seorang khulafak-ur-rasyidin dan semua para

Usul Dua Puluh

sahabat yang lain, kerana mereka telah memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan Islam. Allah telah memilih mereka menjadi sahabat Rasulullah (s.a.w) dan menyampaikan risalahnya setelah Rasulullah (s.a.w) wafat. Sesiapa yang mendapati dalam hatinya perasaan benci terhadap para sahabat atau sebahagiannya dari mereka maka perasaan benci tersebut adalah menjadi pertanda bahawa hatinya telah diserang penyakit.

Usul Dua Puluh

ASAS KESEPULUH:

Mengenal Allah, mentauhidkanNya dan membersihkanNya dari sesuatu yang menyekutuiNya adalah akidah yang paling tinggi dalam Islam. Ayat Quran dan hadith yang menyentuh sifat-sifat Allah hendaklah kita terima tanpa melakukan tafsiran dan takwilan. Kita jauhi perselisihan ulamak dalam masalah ini. Kita berpada dengan apa yang telah dipadakan oleh Rasulullah (s.a.w) dan para sahabat. Firman Allah:

وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا

“Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: Kami beriman dengannya (ayat-ayat mutasyabihat). Semuanya itu dari sisi Tuhan kami”. (S 3:7)

Penjelasan

Tidak syak lagi bahawa mengenal Allah adalah makrifat yang paling tinggi, makrifat yang mengenal sifat-sifat kesempurnaan Allah. Allahlah yang menjadikan, yang berkuasa, yang mencipta, yang alim, yang rahim, dan yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan lain sebagaimana yang telah disebutkan Al-Quran. Makrifat inilah yang membawakan kepada kepatuhan yang mutlak, kasih yang tidak berbelah bagi dan penyerahan yang bulat kepada Allah, tidak pada yang lain. Makrifat beginilah yang membersihkan Allah dari sebarang sifat-sifat kekurangan; Allahlah yang Esa, tidak ada gandingan, baik pada zatnya, sifat dan perbuatanNya. Firman Allah:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

“Tidak ada sesuatu yang menyamaiNya, Dialah yang maha mendengar lagi melihat”. (3 2 :11)

Tauhid yang seperti ini dikenali dengan tauhid rububiah. Di samping itu ada pula tauhid uluhiah, dengan pengertian bahawa Allah swt. sahajalah yang berhak menerima pengabdian dalam semua jenis dan bentuknya, pengabdian hati dan jasad dan inilah pengertian (lailaha illa allah). Tidak ada tempat pengabdian yang sebenarnya melainkan Allah. Ibadat adalah hak Allah terhadap hambanya. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Usul Dua Puluh

“Aku tidak menjadikan jin dan manusia kecuali untuk men gabdikan diri kepadaKu”.
(S 51:56)

Pengabdian jugalah yang menjadi matlamat utama dalam surah Fatihatul-kitab. Firman Allah:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5)

“Akan dikau kami sembah dan hanya kepadaMu kami minta pertolongan”. (S 1:5)

Mendahulukan kalimah اِيَّاكَ daripada kalimah نَعْبُدُ dan نَسْتَعِينُ adalah memberi pengertian membataskan pengabdian dan meminta pertolongan hanya kepada Allah semata-mata.

Termasuk dalam kata mengenal Allah ini mengimani sifat-sifat Allah yang disebutkan dalam Al-Quran atau diterangkan oleh Rasulullah (s.a.w). Kita mengimani sifat-sifat ini sebagaimana yang telah diterangkan oleh AlQuran dan Rasulullah (s.a.w) dengan pengertian bahawa kita tidak membandingkan sifat-sifat ini dengan sifat-sifat makhluk dan kita tidak membekukan pengertiannya yang sebenarnya. Sebagaimana zat Allah tidak menyamai zat makhluk demikianlah juga sifatnya tidak menyamai sifat makhluk. Inilah maksud dari perkataan para salihin yang terdahulu: “Kita mengimani ayat-ayat sifat sebagaimana yang tersebut dalam Al-Quran, tanpa melakukan perbandingan dan tanpa membekukan makna zahir sifat-sifat tersebut”. Fahaman seperti inilah juga yang dianuti oleh para ulamak Islam yang terdahulu. Membuat pentakwilan (penafsiran) terhadap sifat-sifat Allah, sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak di masa kebelakangan ini, menurut pendapat kita bukanlah merupakan suatu perkara penting. Mazhab yang seperti ini tidak pernah dikenali dalam zaman ulamak salaf (yang terdahulu). Kenyataan pula membuktikan bahawa pendapat yang membawakan kebajikan kepada agama ini ialah pendapat ulamak salaf.

Usul Dua Puluh

ASAS KESEBELAS:

Semua bidaah yang dilakukan dalam agama Islam tanpa sandaran asalnya dan dipandang baik oleh segolongan manusia menurut hawa nafsunya, sama ada dengan menambah atau mengurangkan apa yang telah disyariatkan, adalah termasuk dalam perkara-perkara yang sesat yang wajib diperangi dan dihapuskan. ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang paling baik supaya tidak membawa kepada perkara yang lebih buruk dari bidaah itu sendiri.

Penjelasan

Melakukan bidaah dalam agama adalah haram. Bidaah yang dimaksudkan di sini ialah mengada-adakan ibadat atau muamalat yang tidak disyariatkan Islam, sama ada bidaah tersebut dengan cara menambahkan kepada apa yang telah disyariatkan atau mengurangkannya. Dalam hadith telah dinyatakan:

من احدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد

"Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu yang tidak ada dalam agama ini adalah ditolak".
Yakni di tolak dan tidak diterima. Dalam hadith yang lain pula dinyatakan:

"Semua bidaah itu sesat".

Atas dasar ini Muslim haruslah melakukan ibadat dan muamalat dalam batas yang disyariatkan. Hawa nafsu tidak harus memainkan peranan dalam urusan syariat Allah. Muslim juga haruslah berusaha menjauhkan manusia dari perkara-perkara bidaah dengan cara bijaksana dan perkataan yang lembut. Kenyataan telah membuktikan bahawa perkara yang dibaiki dengan lemah-lembut lebih banyak dan perkara-perkara yang dapat diperbaiki dengan kekerasan, kerana manusia dalam kejahilan dan kebanyakan perkara bidaah itu telah terlalu lama dan berakar umbi di kalangan manusia. Keadaan ini memerlukan pengubatan secarahalus, sabar, nasihat yang ikhlas, semoga Allah memberi taufik. Saudara tidak harus menggunakan kekerasan dalam usaha-usaha memerangi bidaah sekiranya saudara mengetahui bahawa kekerasan itu akan mengakibatkan perpecahan yang lebih buruk dari keburukan bidaah itu sendiri.

Usul Dua Puluh

ASAS KEDUABELAS:

Bidaah yang dilakukan dengan menambah atau mengurangkan, terikat dengan cara-cara tertentu dalam melakukan ibadat yang mutlak adalah termasuk dalam masalah khilafiah. Setiap orang mempunyai pendapat yang tertentu. Tidak menjadi kesalahan mencari hakikat melalui bukti dan dalil.

Penjelasan

Bidaah dengan cara menambah bermaksud, menambah perkara yang telah disyariatkan Islam dengan perkara-perkara lain yang bukan disyariatkan. Bidaah dengan cara meninggalkan pula bermaksud meninggalkan sebahagian dari perkara-perkara yang telah disyariatkan. Termasuk dalam bidaah pertama ialah menambah bacaan yang tidak disyariatkan selepas azan dan termasuk dalam bidaah kedua ialah meninggalkan sembahyang sunat selepas sembahyang Jumaat sepanjang masa.

Yang dimaksudkan dengan berpegang atau mengikat diri dengan ibadat yang mutlak ialah melakukan sejenis ibadat yang tertentu menurut ghalibnya ibadat ini dilakukan pada waktu-waktu yang tertentu sedangkan ibadat tersebut tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w), seperti membaca Al-Fatihah, Surah Al-Ikhlash tiap- tiap hari selepas sembahyang subuh atau ibadat-ibadat lain.

Ketiga-tiga perkara ini mengikut pendapat Mursyid ialah termasuk perkara-perkara khilafiah dan tidaklah menjadi kesalahan menyelidiki perkara-perkara tersebut untuk mengetahui apakah harus dilakukan mengikut syariat atau tidak. Kita berpendapat perkara tersebut lebih baik ditinggalkan kerana tidak pernah diriwayatkan dari Rasulullah (s.a.w) sedangkan ibadat yang diterima dan diriwayatkan daripada Rasulullah (s.a.w) sudah mencukupi bagi mereka yang inginkan kesejahteraan dalam agamanya dan mendapat kemenangan di akhirat.

Atas dasar ini kita mewasiatkan supaya berpegang teguh dan membataskan ibadat dalam lingkungan ibadat-ibadat yang diterima daripada Rasulullah (s.a.w) sahaja, baik dan segi jenis ibadat tersebut, bentuknya, keadaannya, masa dan kaifatnya. Kita juga mewasiatkan supaya meninggalkan ibadat-ibadat yang tidak pernah diterima daripada Rasulullah (s.a.w) kepada Allah dan kerana Allah.

ASAS KETIGABELAS:

Mencintai para salihin dan memuji-muji mereka berdasarkan amal-amal saleh yang mereka lakukan adalah sebahagian daripada taqarrub (menghampirkan diri kepada Allah). Wali-wali Allah ialah mereka yang disebutkan Allah dalam firmanNya:

الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ

“Orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa”. (S 10:63)

Keramat berlaku kepada mereka dengan syarat-syarat yang telah ditentukan syariat. Di samping itu kita beriktikad bahawa mereka tidak berkuasa melakukan manfaat dan mudarat terhadap diri mereka sewaktu hidup dan sesudah matinya mereka, lebih-lebih lagi terhadap orang lain.

Penjelasan

1. Cintakan para salihin adalah sebahagian tandatanda iman, kerana seorang muslim mencintai mereka lantaran ketaatan mereka kepada Allah. Dengan itu, kecintaannya kepada mereka adalah juga kecintaannya

Bencikan para salihin adalah merupakan tandatanda kelemahan, kekotoran dan kecacatan iman, lantaran inilah maka disebutkan dalam hadith:

حب الانصار من الايمان

“Cintakan kaum Ansar sebahagian dari iman”.

Kaum Ansar termasuk dalam golongan kekasih Allah dan hambanya yang salih. Oleh itu mencintai mereka adalah merupakan tanda-tanda iman, sebaliknya membenci mereka adalah meruakan tanda-tanda kelemahan iman.

Di samping itu kecintaan yang dimaksudkan di sini bukanlah kecintaan yang melewati batas dengan memberikan kepada mereka sesuatu yang beliau tidak berhak menerimanya ian menganggap beliau mempunyai keistimewaan, yang beliau tidak miliki. Cintakan para salihin yang melewati batas ini bukanlah cinta yang syar' ie dan tidak menjadi tanda kepada iman yang benar.

Para salihin yang dimaksudkan di sini ialah wali-wali Allah. Wali-wali Allah adalah mereka-mereka yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah dalam lingkungan Qadar keriampuan manusia. Wali Allah yang paling tinggi darjatnya ialah para sahabat, kemudian diiringi oleh para tabii yang mengikuti jejak langkah mereka.

Usul Dua Puluh

Seorang muslim tidak seharusnya menaruh perasaan benci terhadap mereka, malah seorang Muslim yang hatinya dilimpahi iman haruslah mencintai dan memberi sanjungan kepada mereka.

Termasuk juga dalam golongan aulia' ialah jamaah Ikhwan Muslimin, jemaah yang menyebarkan dakwah Islamiah pada saat kekufuran dan kejahatan bermaharajalela. Mereka yang memusuhi dan menaruh perasaan benci terhadap Ikhwan Muslimin ternyata dalam hatinya tersembunyi sifat-sifat munafik, lemah iman, buta mata hati dan mereka yang mencintai Ikhwan Muslimin ternyata dalam hati mereka tersemat iman kesucian dan fitrah yang sejati.

2. Keramat memang benar berlaku kepada wali-wali Allah. Keramat yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara yang luar dari kemampuan manusia yang berlaku kepada para aulia. Keramat dalam pengertian ini telah banyak berlaku di zaman silam, juga berlaku sekarang dan akan datang. Keramat bukanlah merupakan suatu perkara yang boleh di anggap tidak baik dan ganjil. Keramat termasuk dalam lingkungan perbuatan dan ciptaan Allah.

Selain dari itu, kita ingin menyentuh beberapa perkara: *Pertamanya*: istikamah (tetap pendirian) dalam melakukan perintah agama adalah menjadi tujuan seorang muslim dalam melakukan amal saleh, bukan untuk mencapai darjat keramat. Anugerah keramat yang paling tinggi dan mulia bagi seorang Muslim daripada Allah ialah dengan menjadikannya seorang Muslim dan menetapkan pendiriannya dalam Islam hingga akhir hayat.

Keduanya: Keramat hanyalah berlaku kepada wali-wali Allah. Perkara luar biasa yang berlaku kepada musuh Allah merupakan tipu daya syaitan untuk menjatuhkan mereka ke lembah kesesatan. Atas dasar ini, sebarang hukum yang kita letakkan kepada seseorang haruslah di dasarkan kepada amalannya dan sejauhmana beliau berpegang dengan syariat Allah, bukan berdasarkan kepada perkara-perkara luarbiasa yang berlaku kepada beliau. Kita tidak akan mempercayai seseorang yang cuba meyakinkan kita kebenaran sesuatu yang bercanggah dengan syariat Islam sekalipun beliau membuktikan perkara tersebut dengan kemampuannya menghidupkan yang mati atau memancarkan air dari perut bumi dan kita tidak menganggap perbuatannya itu sebagai bukti terhadap kebenaran perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Kisah Dajjal adalah menjadi bukti kepada apa yang telah kita katakan.

3. Sekalipun keramat berlaku kepada wali-wali tetapi mereka tidaklah berkuasa melakukan sebarang manfaat dan mudarat terhadap dirinya sendiri apatah lagi orang lain. Oleh yang demikian seorang muslim tidak boleh menyekutukannya dalam ibadat. Beliau tidak harus takut kepadanya

Usul Dua Puluh

sebagaimana beliau takut kepada Allah. Beliau tidak harus berdoa kepadanya atau meminta pertolongan darinya. Kerana perkara yang seperti ini termasuk dalam lingkungan ibadat (pengabdian) dan adalah khusus hak Allah yang tidak boleh diberikan kepada selain daripadaNya.

Usul Dua Puluh

ASAS KEEMPATBELAS:

Menziarahi kuburan walaubagaimanapun adalah sunnah yang disyariatkan dan mestilah dengan syarat menurut cara yang diterima dan Rasulullah (s.a.w). Tetapi meminta pertolongan dari si mati, walaubagaimana bentuk sekalipun, demikian juga menyeru mereka supaya memberi pertolongan, meminta mereka menunaikan hajat, dari jauh atau dekat, bernazar kepada mereka, membina perkuburan, mengelambuihnya, meneranginya dengan lampu dan memperluaskannya, juga bersumpah dengan nama selain Allah dan perkara-perkara yang seumpamanya, adalah bidaah dan dosa besar yang wajib diperangi. Kita tidak melakukan perkara-perkara tersebut demi menutup punca-punca kemungkaran.

Penjelasan

Menziarahi kubur menurut kaifiat yang diterima daripada Rasulullah (s.a.w) dengan tidak melakukan bidaah adalah disyariatkan dalam Islam. Menziarahi perkuburan yang diluluskan dari segi syariat ialah dengan tujuan mengambil iktibar dan pengajaran. Seorang muslim yang menziarahi perkuburan haruslah membayangkan dalam benaknya bahawa akhir hayatnya akan sama dengan akhir hayat mereka yang sedang terbaring dalam pusara, biar sepanjang manapun umurnya beliau akan meninggalkan dunia. Bila beliau sampai di perkuburan beliau hendaklah memberi salam dan mendoakan ahli kubur dengan salam dan doa yang pernah diterima dari Rasulullah (s.a.w). Sebahagian salam dan doa tersebut ialah:

السلام عليكم دار قوم مؤمنين انتم تاسا بقون وانا ان شاء الله لاحقون
ويرحم الله للمستقدمين منكم وللمستأخوين، انتم لنا فرطون نحن لكم تبع
نسأل الله لنا ولكم العافية والمغفرة اللهم لاتحر منا اجرهم ولا تفتنابعدهم
واغفر لنا ولهم

“Sejahteralah atau kamu, perkampungan orang-orang mukmin, kamu telah mendahului kami dan kami insyaAllah akan menemui kamu. Allah memberi rahmat kepada kamu yang terdahulu dan kami yang kemudian, kamu untuk kami dan kami akan mengikut kamu. Kami berdoa agar Allah memberikan kesejahteraan dan keampunan kepada kamu dan kami juga. Ya Allah, janganlah halang kami dari ganjaran mereka dan janganlah fitnah kami sesudah mereka, ampunkanlah kami dan mereka”.

Dengan ini jelaslah bahawa menziarahi perkuburan adalah semata-mata

Usul Dua Puluh

bertujuan untuk mengambil iktibar dan pengajaran serta mendoakan mereka yang telah meninggal dunia.

Selain dari itu musafir untuk menziarahi kubur-kubur yang tertentu tidak pernah diriwayatkan dalam hadith Rasulullah (s.a.w) malah diriwayatkan sebaliknya hadith yang melarang melakukan musafir dengan tujuan tersebut. Oleh yang demikian seorang muslim haruslah memadai dengan hanya menziarahi perkuburan yang ada di negerinya atau di tempat tinggalnya. Bidaah yang dilakukan oleh kebanyakan orang hari ini ialah seperti meminta pertolongan kepada tuan yang empunya kubur dan perkara-perkara lain yang telah disebutkan oleh Mursyid. Kesemuanya adalah bidaah dan wajib diperangi. Kita jangan sekali-kali dikotori oleh bidaah-bidaah ini dan kita tidak harus merelainya walau dengan apa bentuk alasan dan penafsiran sekalipun.

Usul Dua Puluh

ASAS KELIMABELAS:

Doa yang dilakukan secara bertawassul (perantaraan) kepada Allah melalui makhluknya, adalah termasuk dalam masalah khilafiah pada segi kaifiat berdoa dan tidak termasuk dalam masalah aqidah.

Penjelasan

Berdoa dan meminta sesuatu selain Allah tidak harus sama sekali dalam syariat Islam; seperti berdoa dan meminta kepada wali-wali tertentu. Umpamanya: beliau mengatakan; “Wahai wali ‘pulan’ sembuhkanlah penyakitku” atau lan-lain lagi.

Berdoa kepada Allah secara bertawassul (perantaraan) melalui makhluk Allah, umpamanya beliau mengatakan “Ya Allah aku bertawassul kepadaMu melalui sipulan agar engkau menyembuhkan penyakitku” atau dengan katanya “Ya Allah sembuhkan penyakitku dengan kemuliaan sipulan”. Doa-doa yang seperti ini telah menjadi perselisihan pendapat di kalangan ulamak sebagaimana yang telah dikatakan oleh Mursyid. Kita berpendapat doa-doa yang seperti ini adalah ditegah, kerana tidak pernah diriwayatkan bahawa Rasulullah bertawassul dengan makhluk Allah dalam doanya. Doa yang seperti ini juga tidak pernah diriwayatkan daripada para sahabat. Yang paling baik ialah mengikut Rasulullah dan para sahabatnya, bukan melakukan bidaah.

ASAS KEENAMBELAS

Uruf (kebiasaan) yang salah tidak dapat merubah makna-makna lafaz-lafaz syariat yang hakiki, malah wajiblah kita memastikan batas makna yang dimaksudkan oleh lafaz-lafaz itu. Kita haruslah membataskan maknanya pada pengertian yang dimaksudkan itu sahaja. Kita harus berwaspada dan tertipu dengan perkataan-perkataan dalam semua bidang, dunia dan agama. Pengukuran haruslah berdasarkan kepada hakikat sesuatu benda itu, bukan kepada nama yang berikan.

Penjelasan

Uruf (kebiasaan sekitar), ialah perkara yang diketahui ramai dan telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan dan hubungan sesama mereka. Uruf yang bercanggah dengan hakikat syariat sebagaimana yang telah diterangkan oleh nas Al-Quran dan hadith adalah di anggap sebagai uruf yang salah dan batal. Tidak boleh diterima dan harus mendapat perhatian berat, juga tidak harus diikuti sekalipun uruf tersebut telah dikenali dengan berbagai nama dan istilah. Umpamanya; kalau orang ramai mengenali dan menamakan arak atau minuman yang memabukkan dengan nama lain, seperti susu atau madu, namun arak tetap arak. Demikian juga minuman yang memabukkan, hukumnya tetap haram, sekalipun namanya diubah. Yang menjadi ukuran ialah hakikat sesuatu benda itu. Lafaz dan kalimah, juga pengertian yang terkandung di dalamnya haruslah disuaibandingkan dengan hakikat syariat.

Andainya pengertian kalimah tersebut bertentangan dengan hakikat syariat wajiblah ditinggalkan dan tidak harus diikuti. Andainya nama atau perkataan yang digunakan itu boleh menerima penafsiran yang benar dan salah pastilah ditukar dengan nama atau perkataan yang terdapat dalam syariat, agar jelas maksud dan pengertiannya; umpamanya perkataan Qaumiah (kebangsaan). Perkataan Qaumiah ini mengandungi berbagai-bagai maksud dan pengertian yang salah dari segi syariat dan pengertian yang salah inilah pula yang dimaksudkan oleh mereka yang memperjuangkan faham Qaumiah. Oleh yang demikian kita wajiblah meninggalkan perkataan ini dan tidak perjuangkannya.

Sebagai kesimpulan dalam masalah ini, seorang Muslim sedapat mungkin haruslah menggunakan perkataan-perkataan yang disyariatkan dan meninggalkan perkataan-perkataan lain yang tidak disyariatkan. An dainy beliau terpaksa menggunakan pengertian yang samar-samar pengertiannya beliau haruslah memberi batas-batas yang dimaksudkannya agar tidak berlaku kekaburan dan kesamaran bagi mereka yang mendengar atau membacanya.

Usul Dua Puluh

ASAS KETUJUHBELAS:

Akidah adalah asas kepada amal. Amal hati lebih penting dari anggota. Mencari kesempurnaan dalam kedua-dua bidang ini (amal hati dan amal anggota) adalah dituntut syarat, sekalipun taraf tuntutan itu tidak sama.

Penjelasan

Akidah Islamiah adalah akidah yang tegak di atas daar iman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab Allah, rasuirusul, hari akhirat, Qadha dan Qadar sama ada baik atau jahat. Juga tegak di atas asas yang terkandung dalam akidah tersebut. Akidah Islamiah yang seperti ini adalah menjadi asas kepada amal dan amal tidak akan diterima jika tidak dilatarbelakangi oleh akidah Islamiah yang berfungsi sebagai pendorong untuk melakukan amal, sesuai dengan tuntutan akidah tersebut. Amal akan rosak dan tidak diterima apabila berlaku kecacatan, kerosakan dan kebatalan pada akidah. Demikian juga keadaannya apabila asas-asas akidah Islamiah tidak sempurna dalam akidah tersebut.

Sejauhmana akidah Islamiah dan asas-asasnya tertanam dalam jiwa, sejauh itulah pula beratnya amalan pada neraca amal dan sejauh itulah juga amal tersebut dapat membuahkkan hasil yang baik. Samalah keadaannya dengan seponon kayu, sejauhmana tunjangnya mendalam ke bumi, sejauh itulah ianya akan menghasilkan buah yang baik dan segar.

Amal hati lebih penting dari amal anggota zahir, kerana hati adalah menjadi sumber yang mengarah untuk melakukan amal. Amalan anggota lahir akan diredhai Allah apabila hati telah dipenuhi iman, ikhlas, bulat berserah kepada Allah, penuh perasan takut kepadaNya dan merasakan bahawa Allah sentiasa memerhatikannya. Lantaran itulah amalan hati itu lebih penting dari anggota lahir, malah ibadat-ibadat hati lebih ganjarannya daripada amal anggota zahir, seperti bertawakkal kepada Allah, redha dengan kahdhaNya, percaya dan mencintainya, takut dan membulatkan penyerahan diri kepadaNya. Demikianlah juga ibadat-ibadat hati yang lain, di samping membersihkan hati daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan ibadat-ibadat tersebut.

Sekalipun amal anggota zahir itu telah menjadi suatu kepastian dan amal hati amat memerlukan amal anggota zahir tetapi amal anggota zahir akan lebih bersih dan agong bila hati segar dalam melakukan ibadat. Sebaliknya amal anggota zahir akan pudar apabila hati telah beku, lalai atau malas dalam melakukan ibadat dan amalnya.

Oleh yang demikian seorang muslim haruslah memberikan perhatian berat kepada ibadat hati pada setiap masa, baik masa pergi atau kembali, dalam

Usul Dua Puluh

perjalanan atau bermukim, waktu berkerja, waktu jaga dan waktu bersendirian. Apabila sampai waktu melakukan amal dan ibadat anggota zahir seperti sembahyang, puasa dan jihad beliau haruslah melakukannya dengan cergas, menunaikannya dengan hati yang segar, sedar, dan berhati-hati. Beliau tidak harus mencuaikan amal anggota zahir dengan alasan yang beliau masghul (sibuk) dengan ibadat hati, sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian orang-orang jahil dan setengah kalangan ahli-ahli tasauf. Ibadat anggota zahir pasti dilakukan dan tidak selayaknya dicuaikan di samping tidak melalaikan ibadat hati.

Usul Dua Puluh

ASAS KELAPANBELAS:

Islam membebaskan akal, mendorong supaya menilik dan mengamati kejadian alam keliling. Islam menjunjung tinggi kedudukan ilmu dan ulamak. Mengalu-alukan sesuatu yang baik dan bermanfaat. Hikmah adalah merupakan suatu barang yang hilang dari seorang mukmin, di mana saja beliau mendapatinya beliaulah yang lebih berhak memilikinya.

Penjelasan

Islam membebaskan akal dari belenggu kejahilan, kesesatan dan kebatilan, kerana kebebasan berfikir dapat meletakkan manusia ke jalan yang benar dan memeliharanya daripada kegelinciran dan kesalahan. Ia dapat menyelesaikan masalah besar yang sentiasa menjadi bahan pemikiran manusia, menjawab masalah yang menjadi tanda tanya kepada manusia; dan mana kita datang, kenapa kita diwujudkan dan ke mana sudahnya akhir hayat ini. Kebebasan berfikir bukanlah bererti akal ini dapat bebas berfikir tanpa batas sempadan, malah kebebasan ini hanyalah berkisar dalam lingkungan batas tabi'i akal itu sendiri supaya akal dan khayal tidak bercampur baur yang membuatkan akal melihat kebatilan itu sebagai suatu hakikat dan kesalahan itu sebagai suatu kebenaran.

Islam membebaskan akal daripada pengabdian diri terhadap selain Allah, membebaskan daripada berpegang dan menganuti kebatilan dunia. Islam menggalakkan berfikir dan merenung kejadian alam. Al-Quran telah memuji dan memberikan sanjungan kepada mereka yang berfikir dan memerhatikan kejadian langit dan bumi, kerana dengan berfikir, dari memerhati kejadian alam akan menambahkan kekuatan iman mereka kepada Allah dan menambah pengetahuan mereka tentang kekuasaan Allah.

Dalam zaman moden ini ummat Islam haruslah mengambil faedah daripada ilmu-ilmu yang bersangkutan paut dengan kejadian alam dan ilmu-ilmu moden lain. Mereka haruslah mempelajari ilmu-ilmu tersebut agar mereka dapat mengetahui rahsia-rahsia alam dan mengumpulkan maklumat-maklumat ini dengan tujuan akan menggunakannya sebagai suatu wasilah dakwah di samping mereka mempergunakannya kepada perkara yang bersangkutan paut dengan urusan dunia mereka.

Islam menjunjung tinggi kedudukan ilmu dan ulamak. ini jelas terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran. Islam juga mengalu-alukan suatu yang baik dan bermanfaat, dengan kata lain Islam tidak melarang mempelajan sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia seperti rekaan-rekaan moden, perusahaan industri dalam semua bentuk, ilmu perubatan, fizik dan kimia. Malah mengkaji

Usul Dua Puluh

dan mempelajari ilmu-ilmu tersebut telah menjadi fardhu kifayah kepada ummat Islam, memandangkan ummat Islam memerlukan ilmu-ilmu tersebut, juga memandangkan ilmu-ilmu ini adalah menjadi sebabsebab kekuatan sedangkan berusaha menyediakan kekuatan adalah wajib bagi ummat Islam.

Seorang muslim haruslah mempelajari semua jenis ilmu dan perusahan yang berguna dan memberi manfaat, sekalipun ilmu-ilmu tersebut diterima atau dimulakan atau ditemui oleh orang bukan Islam, kerana seorang muslim lebih berhak mengambil manfaat dari ilmu-ilmu yang berguna dan memberi manfaat daripada orang lain. Seorang muslim tidak harus menolak kecuali perkara-perkara yang bertentangan -dengan Islam dan ditegah syariat.

Usul Dua Puluh

ASAS KESEMBILANBELAS:

Boleh jadi masalah yang dibincangkan oleh syariat berlainan dengan masalah yang dibincangkan oleh akal, namun demikian syariat dan akal tidak akan bercanggah dalam perkara-perkara yang telah menjadi hakikat dan kenyataan. Percanggahan tidak akan berlaku antara hakikat ilmiah yang sah dengan kaedah syariat yang telah sabit. Perkara-perkara yang zanni (belum putus) dari sudut akal dan syariat haruslah ditafsirkan supaya bersesuaian dengan hakikat yang telah putus. Sekiranya pandangan syariat dan akal dalam sesuatu masalah itu masih zanni, maka pandangan syariat haruslah diutamakan untuk diikuti, hinggalah pandangan akal dalam masalah tersebut dapat membuktikan kebenarannya atau gugur dengan sendirinya.

Penjelasan

Pandangan akal yang dimaksudkan di sini ialah sesuatu yang dapat dicapai oleh akal dalam hal yang bersangkutan dengan kejadian alam dan kehidupan. Yang dimaksudkan dengan pandangan syariat ialah hukum halal haram dan masalah yang bersangkutan dengan kejadian alam dan kehidupan yang tersebut dalam nas Al-Quran dan hadith.

Perkara yang dinaskan dalam Al-Quran, sama ada perkara-perkara yang bersangkutan dengan masalah halal dan haram atau masalah yang bersangkut paut dengan kejadian alam dan kehidupan adalah merupakan perkara hak dan putus, tidak boleh diperbincangkan lagi. Namun demikian boleh jadi nas Al-Quran yang menjadi dalil dalam sesuatu masalah itu tidak qat'iah (putus), dengan kata lain nas-nas Al-Quran tersebut boleh ditafsirkan dengan pengertian-pengertian lain, atau boleh jadi nas Al-Quran itu qat'iah dengan erti kata bahawa nas tersebut hanya mengandungi satu pengertian dan tidak boleh ditafsirkan dengan pengertian lain.

Nas Al-Quran yang qat'iah adalah merupakan dalil yang putus dan pengertiannya haruslah diterima dengan tidak melihat kepada dalil-dalil yang biasa digunakan untuk mengetahui perkara-perkara halal dan haram atau dalil yang digunakan, untuk mengetahui masalah yang bersangkutan dengan kehidupan. Pengertian yang terkandung dalam nas-nas tersebut adalah hak secara putus. Seorang muslim tidak dibenarkan mencanggahi dan menyalahi pengertian tersebut. Sebagai contoh; ayat Al-Quran yang menerangkan Adam a.s dijadikan daripada tanah, ayat-ayat yang menceritakan wujudnya syaitan dan jin yang bertutur dan berakal dan lain-lain lagi.

Nas Al-Quran yang tidak qat'iah pula, kita adalah diharuskan memilih salah satu dari pengertian-pengertian yang ditunjukkan oleh nas tersebut supaya

Usul Dua Puluh

kita dapat menyesuaikan dengan hakikat yang telah putus dan sabit melalui percubaan dan dalil yang yakin, seperti pendapat yang mengatakan bahawa bumi ini bulat, nas Al-Quran ada membayangkan pengertian ini dan boleh ditafsirkan demikian. Maka dengan ini pendapat yang telah sabit, yang mengatakan bumi ini bulat adalah dapat diterima.

Pengertian nas Al-Quran dan hadith yang qat'ei tidak mungkin bercanggah dengan hakikat yang telah sabit melalui dalil yang putus dan bukti yang nyata dan yakin. Sekiranya perkara yang dianggap sabit itu tidak mencapai peringkat yakin bolehlah mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi berbagai pengertian dengan penafsiran Yang sesuai dengan tuntutan bahasa Arab dan berpandukan kepada sebab-sebab turunnya ayat tersebut.

Dalam kesemantan ini kita mengatakan bahawa Al-Quran adalah kitab hidayat, pengajaran dan akhlak bukan buku fizik, handasah atau tumbuh-tumbuhan. Ilmu-ilmu tersebut dipelajari oleh manusia melalui penyelidikan dan percubaan dan akal, dan tidak ditegah mengkajinya. Sekalipun demikian boleh jadi Al-Quran menyentuh persoalan-persoalan alam dengan tujuan menarik pandangai manusia kepada kekuasaan Allah dan keindahan ciptaannya dan dalam menyentuh pemasalahan alam ini maka Al-Quran menyebutkan sebahagian dari hakikat-hakikat alam. Hakikat kejadian alam yang dinyatakan dalam Al-Quran adalah hakikat yang hak dan benar, sesuatu yang mencanggahi hakikat yang telah dinyatakan Al-Quran adalah dianggap batal, apabila ayat-ayat yang menyentuh hakikat tersebut terang dan jelas dalam menerangkan hakikat tersebut.

Usul Dua Puluh

ASAS KEDUAPULUH:

Kita tidak mengkafirkan seorang Muslim berdasarkan pendapat atau maksiat yang dilakukannya sedangkan beliau telah mengucap dua kalimah syahadah dan melakukan tuntutan syahadahnya iaitu dengan melakukan sesuatu yang telah difardukan kepadanya, kecualilah beliau berikrar dan mengakui kekufurannya, atau beliau mengingkari perkara yang diketahui secara pasti dalam agama, atau beliau mendustakan lafaz dan pengertian Al-Quran yang terang dan jelas, atau beliau menafsirkan Al-Quran dengan penafsiran yang tidak sesuai dengan aliran bahasa Arab atau beliau melakukan perbuatan yang tidak dapat ditafsirkan dengan tafsiran selain dari kekufuran.

Penjelasan

Mengkafirkan seorang Islam dengan menuduh beliau keluar daripada agama Islam adalah perkara yang amat bahaya, oleh yang demikian tuduhan ini hanyalah boleh dibuat bila seseorang itu melakukan perkara yang boleh mengeluarkan beliau daripada agama Islam (murtad), seperti beliau melakukan perbuatan atau perkataan yang tidak boleh ditafsirkan dengan tafsiran lain dan kufur; umpamanya beliau mengingkari masalah-masalah agama yang telah putus (kat'ei) seperti beliau mengingkari sembahyang itu wajib, nba haram, mengatakan bahawa berpegang dengan Islam itu bukan suatu kepastian yang wajib atau beliau mempersendakan Islam, mempersendakan Al-Quran atau beliau mencerca Allah dan RasulNya atau beliau mencemarkan Al-Quran dengan najis, mendustakan lafaz-lafaz Al-Quran yang terang atau beliau mengingkari hari akhirat, mengatakan bahawa agama Islam itu kolot, ketinggalan zaman, tidak sesuai dilaksanakan dan tidak penting dalam zaman moden ini dan lain-lain perkataan yang boleh mengeluarkan seseorang yang melakukan atau memperkatakanNya dan Islam.

Seorang yang melakukan maksiat seperti minum arak di samping itu beliau mengakui dan mengiktiraf asas-asas akidah Islamiah beliau adalah dianggap sebagai seorang Muslim yang mendurhakai, bukan kafir. Demikian juga sekiranya beliau melakukan perbuatan atau menuturkan perkataan yang boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai penafsiran, kita tidak berhak mengkafirkan beliau berdasarkan kepada perbuatan atau perkataan itu.

Patut disebutkan di sini bahawa setengah-setengah perbuatan itu kita namakan perbuatan kufur, sebagaimana yang terdapat dalam nas-nas syariat; umpamanya nas yang mengatakan: "Meninggalkan sembahyang itu kufur", namun demikian mengkafirkan seseorang tidak boleh dilakukan kecuali beliau telah melakukan perkara yang mengeluarkan beliau daripada Islam; umpamanya beliau mengingkari bahawa sembahyang itu wajib atau kita

Usul Dua Puluh

meminta beliau bertaubat dengan mengatakan kepadanya: “Jika kamu tidak sembahyang; kamu akan dibunuh”, Andainya beliau masih berkeras tidak mahu melakukan sembahyang dan mengutamakan dibunuh maka sikapnya itu membuktikan kekosongan dadanya daripada iman dan beliau mati dalam kufur kepada Allah.

Selain dari itu kita juga harus mengetahui bahawa kufur itu terbahagi kepada dua jenis; kufur asghar (kecil) yang tidak mengeluarkan seseorang yang melakukannya dari Islam dan kufur akbar (besar) yang mengeluarkan seseorang yang melakukannya dari Islam. Dengan membezakan di antara kedua-dua jenis kufur. ini kita dapat memahami sebahagian nas-nas syariat seperti nas yang mengatakan: Siapa yang bersumpah dengan nama lain dari Allah beliau telah syirik. Syirik yang dimaksudkan dalam nas ini tidaklah bererti mengeluarkan seseorang itu daripada Islam, malah ianya merupakan maksiat yang amat berat, demikianlah seterusnya dengan nas-nas yang lain.

Penutup

Kita berdoa supaya Allah menunjukkan kebenaran kepada kita dan akhir doa kita; bahawa segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam. Waljahu-akbar-wa-lillahil-hamdu.